



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2014

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2014

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



2014

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



# KANDUNGAN

---



# KANDUNGAN

vii	Kata Pendahuluan
xiii	Pengenalan
xvii	Intisari Laporan
<b>BAHAGIAN I</b>	
<b>PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN</b>	
3	1. Pendahuluan
4	2. Penyerahan Penyata Kewangan
5	3. Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan
9	4. Pembentangan Penyata Kewangan Di Parlimen
10	5. Analisis Prestasi Kewangan
32	6. Rumusan
<b>BAHAGIAN II</b>	
<b>PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN</b>	
37	7. Pelaksanaan Sistem Penarafan Indeks Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan
76	8. Pengauditan Mengejut Di Pejabat Badan Berkanun Persekutuan Di Negeri Dan Daerah
81	9. Pengurusan Kewangan Di Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan Di Luar Negara
93	<b>PENUTUP</b>
97	<b>LAMPIRAN A</b>
	SENARAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AGENSI LAIN



2014

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



**KATA**  
**PENDAHULUAN**

---



## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Badan Berkanun Persekutuan serta pengurusan syarikat subsidiari dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan ini dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan iaitu pengauditan penyata kewangan, pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan prestasi dan pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan.

2. Laporan saya mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan

- Pelaksanaan Sistem Penarafan Indeks Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan
- Pengauditan Mengejut Peringkat Badan Berkanun Persekutuan Di Negeri Dan Daerah
- Pengurusan Kewangan Di Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan Di Luar Negara

3. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Menteri berkenaan hendaklah membentangkan di Parlimen dengan seberapa segera Penyata Kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Tahunan Badan Berkanun Persekutuan. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan pada 31 Disember tahun berkenaan dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

4. Pengauditan penyata kewangan bagi tahun 2014 adalah berdasarkan Manual Pengauditan Penyata Kewangan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) bagi memastikan pengauditan dilaksanakan dengan berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam ISSAI adalah panduan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, *risk*

*assessment, evaluation of audit evidence, communications to management and with those charged with Governance, pensampelan dan penyediaan Laporan Ketua Audit Negara.*

5. Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan termasuk prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah untuk melaporkan kedudukan terkini mengenai penyerahan dan pengesahan penyata kewangan, tahap pengurusan kewangan serta analisis kewangan Badan Berkanun Persekutuan tahun 2014. Laporan ini hanya dapat disediakan selepas semua Badan Berkanun Persekutuan menyerahkan penyata kewangannya untuk diaudit dan selepas Laporan Ketua Audit Negara dikeluarkan.

6. Pada tahun 2015, sebanyak 139 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan termasuk Kumpulan Wang Persekutuan bagi tahun kewangan 2014 telah diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan berkenaan menunjukkan kedudukan kewangan Badan Berkanun Persekutuan benar dan saksama. Sehingga 8 Oktober 2015, Pendapat Tanpa Teguran telah dikeluarkan kepada 125 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 2014 kerana memberi gambaran benar dan saksama. Selain itu, sebanyak 7 Badan Berkanun Persekutuan menerima pendapat berdasarkan *Emphasis of Matter* kerana penyata kewangannya terdapat perkara penting yang perlu diberi penekanan kepada pengurusan tetapi tidak menjelaskan Pendapat Juruaudit. Pendapat Berteguran telah dikeluarkan kepada 5 Badan Berkanun Persekutuan kerana penyata kewangannya tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta Pendapat Penafian telah dikeluarkan kepada 1 Badan Berkanun Persekutuan kerana Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangannya. Selain itu, satu penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan telah diaudit tetapi tidak dapat disahkan kerana penyata kewangan masih belum diluluskan oleh ahli Majlis.

7. Jabatan Audit Negara juga telah melaksanakan sistem penarafan indeks akauntabiliti mulai tahun 2007 berdasarkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan. Ia sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Badan Berkanun Persekutuan supaya lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing. Badan Berkanun Persekutuan yang dipilih secara giliran setiap 3 tahun akan dinilai tahap pengurusan kewangannya berasaskan kriteria yang diukur secara objektif dan menjadi penanda aras ke arah penambahbaikan demi kecemerlangan pengurusan kewangan. Sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti mengambil kira 8 aspek utama kawalan pengurusan kewangan yang merangkumi kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor, pengurusan

pelaburan dan pinjaman serta penyerahan penyata kewangan. Pada tahun 2014, penarafan telah diberi terhadap 34 Badan Berkanun Persekutuan di mana 5 Badan Berkanun Persekutuan berada pada tahap Sangat Baik manakala 28 Badan Berkanun Persekutuan pada tahap Baik dan 1 Badan Berkanun Persekutuan pada tahap Memuaskan.

8. Selain pengesahan penyata kewangan dan pengurusan kewangan, pengauditan mengejut di 172 pejabat Badan Berkanun Persekutuan di negeri dan daerah mendapat 22.7% pejabat mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama pengurusan kewangan. Pengauditan 14 pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negara mendapat pengurusan kewangan pejabat tersebut adalah baik.

9. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

8 Oktober 2015



2014

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



# PENGENALAN



## PENGENALAN

1. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), Badan Berkanun Persekutuan adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun Persekutuan merupakan badan atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang memperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai Kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act 1969* (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh membuat pinjaman, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, kumpulan wang, akaun amanah dan melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran Kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala sebahagian lagi membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.
3. Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan piawaian perakaunan yang diterima umum. Badan Berkanun Persekutuan adalah tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan sebarang pekeliling Kerajaan kecuali yang khusus berkaitannya. Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan disedia berdasarkan atas akruan bagi setiap tahun kewangan berakhir 31 Disember kecuali satu Badan Berkanun Persekutuan yang berakhir pada 30 Jun. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan

penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktivitinya kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen dengan segera.

4. Sehingga 8 Oktober 2015, sebanyak 127 Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga mengaudit 11 Kumpulan Wang Persekutuan dan 1 institusi kewangan yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi. Senarai Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain adalah seperti di **Lampiran A**.
5. Jabatan Audit Negara juga telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan dan penarafan telah diberi terhadap 34 Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2014. Selain itu, pengauditan mengejut telah dilaksanakan terhadap pengurusan kewangan bagi 172 pejabat Badan Berkanun Persekutuan di negeri dan daerah pada tahun 2014. Jabatan Audit Negara juga melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 14 pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negara.

2014

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



# INTISARI LAPORAN



## BAHAGIAN I

### PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

- 1.1 Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan penyata kewangan bagi tahun kewangan 2014 terhadap 139 Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain. Sehingga 8 Oktober 2015, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara terhadap 138 penyata kewangan termasuk 11 Kumpulan Wang dan 1 agensi lain bagi tahun kewangan 2014. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 125 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 7 diberi pendapat berdasarkan *Emphasis of Matter* dan 5 diberi Pendapat Berteguran dan 1 diberi Pendapat Penafian. Satu penyata kewangan telah diaudit tetapi tidak disahkan sehingga 8 Oktober 2015 kerana penyata kewangan masih belum diluluskan oleh ahli Majlis.
- 1.2 Satu penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan telah disahkan buat pertama kali pada tahun 2014 oleh Jabatan Audit Negara iaitu Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi.
- 1.3 Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan disedia berdasarkan kepada 120 daripada 127 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Sebanyak 5 Badan Berkanun Persekutuan tidak dilaporkan prestasi kewangannya kerana diberikan Pendapat Berteguran dan 1 Badan Berkanun Persekutuan diberikan pendapat penafian serta 1 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan telah diaudit tetapi tidak dapat disahkan.
- 1.4 Secara keseluruhannya, analisis prestasi kewangan terhadap 120 Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan peningkatan pendapatan sejumlah RM7.51 bilion atau 8.2% kepada RM99.23 bilion berbanding RM91.72 bilion pada tahun 2013. Selain itu, Badan Berkanun Persekutuan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang iaitu sebanyak 76 daripada 120 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran mengurus berjumlah RM16.70 bilion daripada Kerajaan. Prestasi kewangan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah meningkat pada tahun 2014 iaitu peningkatan keuntungan selepas cukai sejumlah RM1.64 bilion kepada RM4.07 bilion berbanding RM 2.43 bilion pada tahun 2013.

**BAHAGIAN II**  
**PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

**2. PELAKSANAAN SISTEM PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

2.1 Pada tahun 2014, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 35 daripada 127 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit termasuk Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berserta pejabat negeri CIDB. Daripada 35 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit hanya 34 Badan Berkanun Persekutuan diberi penarafan pada tahun 2014. Penarafan tidak diberi terhadap Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySIHAT) disebabkan MySIHAT merupakan Badan Berkanun Persekutuan yang baru pertama kali diaudit dan kebanyakan elemen kawalan adalah tidak berkenaan.

2.2 Pada tahun 2014, sebanyak 33 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit merupakan pusingan audit bagi kali ke 3 dan penarafan terhadap Badan Berkanun Persekutuan tersebut telah dibuat sebanyak 3 kali kecuali Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara merupakan Badan Berkanun Persekutuan yang baru pertama kali diberi penarafan pada tahun 2014. Hasil pengauditan menunjukkan 5 Badan Berkanun Persekutuan atau 14.7% berada pada tahap Sangat Baik manakala 28 Badan Berkanun Persekutuan atau 82.4% pada tahap Baik dan satu Badan Berkanun Persekutuan atau 2.9% lagi pada tahap Memuaskan. Badan Berkanun Persekutuan yang mencapai tahap Sangat Baik pada tahun 2014 ialah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Pembangunan Langkawi, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Lembaga Koko Malaysia.

2.3 Pada keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan di Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit pada tahun 2014 adalah pada tahap Baik kerana sebanyak 28 Badan Berkanun Persekutuan atau 82.4% daripada 34 Badan Berkanun Persekutuan yang dinilai berada pada tahap tersebut. Faktor ini disebabkan oleh kawalan dalaman yang baik dan pematuhan Badan Berkanun Persekutuan terhadap peraturan yang berkuat kuasa dan undang-undang yang berkaitan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

### **3. PENG AUDITAN MENGEJUT DI PEJABAT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI NEGERI DAN DAERAH**

Pada tahun 2014, pengaudit mengejut telah dilaksanakan di 172 pejabat Badan Berkanun Persekutuan di seluruh negara. Pengaudit dijalankan untuk menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat. Secara keseluruhannya, sebanyak 39 daripada 172 pejabat atau 22.7% telah mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama yang ditetapkan manakala baki sebanyak 133 pejabat atau 77.3% masih tidak mematuhi peraturan sepenuhnya. Antara ketidakpatuhan yang ditemui adalah wang kutipan dan pengeluaran resit rasmi tidak diuruskan dengan teratur, pengurusan panjar wang runcit tidak teratur, Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan, surat penurunan kuasa tidak disediakan, pengendalian peti besi tidak mengikut peraturan dan baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.

### **4. PENGURUSAN KEWANGAN DI PEJABAT PERWAKILAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI LUAR NEGARA**

Pada tahun 2014, 14 pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan luar negara telah diaudit untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan. Semakan yang dijalankan memberi tumpuan terhadap 6 elemen pengurusan kewangan iaitu kawalan pengurusan, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan pendahuluan diri/pelbagai dan deposit, pengurusan aset dan stor serta pengurusan panjar. Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan di pejabat perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negara adalah baik. Antara ketidakpatuhan yang ditemui adalah Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini, pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan mengikut ketetapan, Buku Vot tidak disemak secara berkala oleh pegawai yang diberi kuasa, pegawai aset dan pegawai penerima aset tidak dilantik, aset tidak dilabel serta aset tidak diperiksa dan stok tidak diverifikasi mengikut kekerapan yang ditetapkan.



2014

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



# BAHAGIAN I

## PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

---



## 1

## PENDAHULUAN

1.1 Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 139 Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain bagi tahun kewangan 2014. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 127 merupakan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), 11 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan tidak termaktub dengan Akta 240 dan satu institusi kewangan didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.

1.2 Setakat 8 Oktober 2015, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara terhadap 138 daripada 139 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2014 berbanding 138 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain bagi tahun kewangan 2013. Satu penyata kewangan iaitu Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bagi tahun kewangan 2014 telah diaudit tetapi belum dapat disahkan. Penyata kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi tahun 2014 merupakan kumpulan wang yang pertama kali disahkan oleh Jabatan Audit Negara.

1.3 Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap 25 daripada 139 penyata kewangan tahun 2014 manakala baki 114 penyata kewangan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

1.4 Pengauditan penyata kewangan bagi tahun 2014 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan Berdasarkan *International Standard of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) bagi memastikan pengauditan dilaksanakan dengan berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah panduan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, *risk assessment, evaluation of audit evidence, communications to management and with those charged with Governance*, pensampelan dan penyediaan Laporan Ketua Audit Negara. Selain itu, piawaian perakaunan baru iaitu *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) telah diterima pakai oleh Badan Berkanun Persekutuan yang berkaitan sejak penyediaan penyata kewangan tahun 2012.

**2****PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

2.1 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Kementerian Kewangan Malaysia juga telah mengeluarkan 1Pekeliling Perbendaharaan PA3.1/2013 yang menghendaki penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dikemukakan tidak lewat dari 30 April tahun berikutnya. Ini bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk membentangkan penyata kewangan yang diaudit pada tahun yang sama.

2.2 Jabatan Audit Negara telah menetapkan penyata kewangan hendaklah disahkan dalam tempoh 4 bulan selepas tarikh penerimaannya. Sebanyak 122 penyata kewangan tahun 2014 telah diterima sebelum 30 April 2015 manakala 3 Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April 2015 tetapi sebelum 30 Jun 2015 mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) dan 2 penyata kewangan diterima pada 10 dan 15 Julai 2015. Kelewatan mengemukakan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan selepas 30 April 2015 telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia kecuali Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.1 : BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN 2014 SELEPAS 30 APRIL 2015**

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TARIKH MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN	TEMPOH KELEWATAN SELEPAS 30 APRIL 2015 (Hari)	CATATAN
1.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)	15.07.2015	76	Penyata kewangan BERNAMA tidak disatukan kerana penyata kewangan anak syarikat belum diaudit pada masa tersebut. Tiada kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia.
2.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	10.07.2015	71	Penyata kewangan FINAS belum disahkan oleh Lembaga Pengarah kerana pelantikan ahli Lembaga Pengarah belum dibuat setakat 30.04.2015. Kementerian Kewangan Malaysia telah memberi kelulusan pada 08.06.2015 dan 29.07.2015.
3.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	12.06.2015	43	Penyata kewangan FAMA tidak disatukan kerana penyata kewangan anak syarikat belum diaudit pada masa tersebut. Kementerian Kewangan Malaysia telah memberi kelulusan pada 06.07.2015.
4.	Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	11.06.2015	42	Penyata kewangan LPPKN belum dimuktamadkan kerana kekangan staf dan ketiadaan pegawai bertanggungjawab. Tiada kelulusan daripada Kementerian Kewangan

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TARIKH MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN	TEMPOH KELEWATAN SELEPAS 30 APRIL 2015 (Hari)	CATATAN
				Malaysia.
5.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	25.05.2015	25	Penyata Kewangan MTIB belum disahkan oleh Lembaga Pengarah kerana Pengerusi Lembaga Pengarah MTIB belum dilantik setakat 30.04.2015. Kementerian Kewangan Malaysia telah memberi kelulusan pada 06.07.2015.

Sumber: Surat Permohonan Pelanjutan Masa Daripada Agensi Kepada Kementerian Kewangan Malaysia

### 3

## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TERHADAP PENYATA KEWANGAN

3.1 Piawaian pengauditan yang diluluskan menetapkan sebanyak 2 jenis Pendapat Audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

### 3.1.1 Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila juruaudit membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan dalam semua aspek material dan mengikut standard perakaunan yang berkenaan.

### 3.1.2 Pendapat Bolehubah

#### a. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

Pendapat diberi dalam bentuk *Emphasis of Matter* sekiranya terdapat perkara penting dalam penyata kewangan yang perlu diberi penekanan kepada pengurusan. Selain itu, pendapat diberi dalam bentuk Perkara Lain sekiranya terdapat lain-lain perkara yang perlu dibawa kepada perhatian pihak pengurusan.

#### b. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

##### i. Pendapat Berteguran

Pendapat Berteguran diberi apabila terdapat salah nyata yang material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi. Selain itu, Pendapat Berteguran turut diberi apabila tiada bukti audit yang mencukupi untuk memberi pendapat tetapi juruaudit membuat kesimpulan bahawa kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan yang tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan menjadi material.

## ii. Pendapat Bertentangan

Pendapat Bertentangan diberi apabila salah nyata adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah juruaudit mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

## iii. Pendapat Penafian

Pendapat Penafian diberi apabila kesan yang mungkin timbul oleh kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, Pendapat Penafian turut dikeluarkan sekiranya juruaudit tidak dapat memberi pendapat walaupun memperoleh bukti audit yang mencukupi untuk menggambarkan ketidaktentuan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan kemungkinan memberi kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

3.2 Pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2015 terhadap 139 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain bagi tahun kewangan 2014 mendapat sebanyak 125 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 7 diberi pendapat berdasarkan *Emphasis of Matter*, 5 diberi Pendapat Berteguran, 1 diberi Pendapat Penafian dan 1 telah diaudit tetapi tidak dapat disahkan. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat audit yang diberikan bagi tahun 2010 sehingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.1 : KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AGENSI LAIN**

JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
	2010	2011	2012	2013	2014
Pendapat Tanpa Teguran	123	125	122	121	125
Pendapat Berdasarkan <i>Emphasis of Matter</i>	3	5	7	11	7
Pendapat Berteguran	3	4	1	6	5
Pendapat Bertentangan	-	-	1	-	-
Pendapat Penafian	-	-	2	-	1
<b>JUMLAH</b>	<b>129</b>	<b>134</b>	<b>133</b>	<b>138</b>	<b>138*</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

\*Nota: Satu penyata kewangan tahun kewangan 2014 telah diaudit tetapi tidak dapat disahkan

3.3 Penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang diberi Pendapat *Emphasis of Matter* adalah Lembaga Totalisator Malaysia, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Institut Penyelidikan Dan Kemajuan

Pertanian Malaysia, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan dan Lembaga Pelabuhan Kelang. Selain itu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Perbadanan Aset Keretapi, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Universiti Malaysia Kelantan dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah diberi Pendapat Berteguran manakala Lembaga Kemajuan Johor Tenggara telah diberi Pendapat Penafian. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

### **3.3.1 Pendapat Berteguran**

#### **a. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia**

##### **i. Kerja Dalam Kemajuan**

Sebanyak 47 projek bernilai RM47.58 juta daripada RM101.86 juta yang telah siap dan digunakan sebelum tahun 2010 sehingga 2014 masih dinyatakan sebagai Kerja Dalam Kemajuan dan tidak dipermodalkan. Selain itu, sejumlah RM11.71 juta daripada RM29.13 juta bagi kerja-kerja permulaan yang telah siap sepenuhnya dan telah digunakan mulai tahun 2008 sehingga 2011 juga belum dipermodalkan. Akibat tidak mempermodalkan, jumlah Hartanah, Loji dan Peralatan telah terkurang nyata sejumlah RM59.29 juta. Susut nilai aset tersebut juga tidak diambil kira dan terkurang nyata dengan anggaran sejumlah RM7.80 juta.

##### **ii. Penyata Kewangan Kumpulan**

Penyata Kewangan Kumpulan disediakan berdasarkan penyata kewangan subsidiari Majuikan Sdn. Berhad yang belum diaudit.

#### **b. Perbadanan Aset Keretapi**

##### **i. Kerja Dalam Pelaksanaan**

Termasuk dalam Kerja Dalam Pelaksanaan berjumlah RM15.36 bilion pada 31 Disember 2014 adalah projek pembinaan yang telah siap pada tahun 2013 dan 2014 tetapi tidak dipermodalkan berjumlah RM135.83 juta yang terdiri daripada pembinaan Depot *Electrical Multiple Unit* Seremban berjumlah RM115.46 juta, menaik taraf stesen keretapi Tasik Selatan berjumlah RM10.88 juta dan pembinaan pagar landasan di Lembah Kelang-Seremban-Pelabuhan Kelang-Kuala Lumpur berjumlah RM9.49 juta. Ini menyebabkan belanja susut nilai dan kurangan pendapatan terkurang nyata sejumlah RM2.05 juta. Selain itu, Kerja Dalam Pelaksanaan bagi projek Landasan

Berkembar Elektrik Ipoh–Padang Besar yang direkodkan dalam penyata kewangan bagi tahun 2014 adalah sejumlah RM8.99 bilion iaitu terkurang catat sejumlah RM2.83 bilion berbanding Penyata Kemajuan Bayaran berjumlah RM11.82 bilion. Terdapat juga Kerja Dalam Pelaksanaan bernilai RM217.27 juta yang tiada pergerakan ketara dari tahun 2010 sehingga 2014.

**ii. Pelunasan Geran**

Pelunasan Geran bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 berjumlah RM193.02 juta telah terkurang catat sejumlah RM128.31 juta kerana Perbadanan Aset Keretapi tidak mengemaskini kos aset dalam Jadual Pelunasan Geran berbanding Daftar Aset.

**c. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda**

**i. Pembiutang**

Sejumlah RM4.05 juta daripada RM6.63 juta bagi akaun belanja terakru tahun 2013 dalam Kumpulan Wang Pengurusan tidak dapat disahkan kerana tiada senarai sokongan dikemukakan. Amaun ini masih belum selesai dalam tahun 2014.

**ii. Hartanah, Loji dan Peralatan**

Sebanyak 42 unit aset yang terdiri daripada Kelengkapan dan Alat Pejabat telah dilupuskan dalam tahun 2014. Bagaimanapun, kos dan susut nilai bagi 42 unit aset ini tidak dikeluarkan daripada Hartanah, Loji dan Peralatan pada tahun semasa. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan serta Susut Nilai Terkumpul telah terlebih nyata. Kos 42 unit aset tersebut juga tidak dapat ditentukan kerana senarai yang dikemukakan adalah tidak terperinci.

**d. Universiti Malaysia Kelantan**

**i. Penghutang**

Mengikut penyata kewangan tahun 2014, termasuk dalam Penghutang berjumlah RM5.50 juta adalah baki penghutang pelajar berjumlah RM80,609. Bagaimanapun, mengikut rekod *Integrated Management System* penghutang pelajar adalah berjumlah RM2.93 juta. Tiada pelarasan dibuat bagi menjelaskan perbezaan berjumlah RM2.85 juta. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan baki penghutang pelajar tersebut.

## ii. Deposit dan Pelbagai Terakru

Termasuk dalam Deposit dan Pelbagai Terakru berjumlah RM4 juta adalah terimaan yang tidak dikenal pasti berjumlah RM1.07 juta. Ini terdiri daripada akaun amanah berjumlah RM426,518, akaun mengurus berjumlah RM319,548 dan akaun pelajar berjumlah RM324,692.

## e. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia

### i. Penghutang Pelbagai

Baki penghutang pelbagai pada 31 Disember 2014 berjumlah RM2.95 juta tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan terhadap pelarasan tidak dikemukakan untuk diaudit. Pelarasan jurnal berjumlah RM10.23 juta telah dibuat terhadap akaun ini sepanjang tahun 2014.

### ii. Wang Di Tangan dan Di Bank

Pada 31 Disember 2014, Wang Di Tangan dan Di Bank dalam penyata kewangan berjumlah RM149.81 juta iaitu sejumlah RM263,324 adalah tunai di tangan dan sejumlah RM149.55 juta di dalam bank. Kesemua wang di bank dapat disesuaikan kecuali sejumlah RM243,235 tidak dapat dikesan dan tiada rekod atau dokumen berkaitan diselenggarakan.

### 3.3.2 Pendapat Penafian

#### Lembaga Kemajuan Johor Tenggara

Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) telah mengalami kehilangan data perakaunan bagi tahun 2014 disebabkan kerosakan terhadap *server* Sistem SAGA. KEJORA tidak mempunyai *back-up* data yang menyebabkan data hilang dan tidak dapat dipulihkan. Pihak Audit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan KEJORA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangannya.

## 4

## PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DI PARLIMEN

Mengikut Seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan bersama Laporan Aktiviti kepada Menteri dalam tempoh satu bulan selepas menerima penyata kewangan yang telah diaudit. Menteri kemudiannya dikehendaki membentangkan penyata tersebut di Parlimen dengan segera. Setakat 8 Oktober 2015, sebanyak 6 Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 2014 iaitu Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Institut Akauntan Malaysia, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Bank Negara Malaysia dan

Universiti Sains Islam Malaysia telah dibentangkan di Parlimen manakala yang lain dalam proses pembentangan. Selain itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia masih belum membentangkan Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan bagi tahun 2011 dan 2012 walaupun Laporan Ketua Audit Negara telah dikeluarkan pada bulan Julai 2012 dan Jun 2013 seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.1 : PENYATA KEWANGAN YANG BELUM DIBENTANGKAN DI PARLIMEN**

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TAHUN KEWANGAN	TARIKH LAPORAN DITANDATANGANI	TARIKH SURAT KEPADA KEMENTERIAN
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBm)	2011	20.07.2012	23.07.2012
	2012	18.06.2013	16.07.2013

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara Dan Surat Kepada Kementerian

## 5 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan syarikat subsidiari dilaporkan seperti berikut:

### 5.1 Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh

5.1.1 Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan disediakan berdasarkan kepada 120 daripada 127 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 2014. Ini disebabkan sebanyak 5 Badan Berkanun Persekutuan telah diberi Pendapat Berteguran, 1 Badan Berkanun Persekutuan telah diberi Pendapat Penafian terhadap penyata kewangannya dan 1 Badan Berkanun Persekutuan masih belum disahkan. Selain itu, analisis prestasi kewangan juga tidak mengambil kira penyata kewangan bagi 11 Kumpulan Wang Persekutuan dan satu penyata kewangan bagi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.

5.1.2 Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan dilaporkan mengikut kementerian yang berkuat kuasa bagi tahun 2014 berdasarkan kepada analisis pendapatan, pendapatan janaan sendiri, prestasi pemberian geran mengurus, lebihan/kurangan pendapatan, kumpulan wang terkumpul, aset, tunai dan kesetaraan tunai, pelaburan, liabiliti, liabiliti luar jangka serta prestasi penggunaan geran pembangunan. Di samping itu, prestasi 177 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan turut dilaporkan dan 6 syarikat subsidiari lagi tidak diambil kira kerana Penyata Kewangan badan induknya diberi Pendapat Berteguran.

5.1.3 Perubahan angka perbandingan juga diambil kira berdasarkan pelarasan tahun lalu yang dibuat oleh Badan Berkanun Persekutuan berkaitan. Analisis Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiari mengikut kementerian adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.1 : BILANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN SYARIKAT SUBSIDIARI MENGIKUT KEMENTERIAN**

BIL.	KEMENTERIAN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		SYARIKAT SUBSIDIARI	
		2013	2014	2013	2014
1.	Pendidikan Malaysia*	26	26	22	23
2.	Jabatan Perdana Menteri*	13	13	38	41
3.	Kewangan Malaysia	11	11	41	50
4.	Pengangkutan*	11	11	2	2
5.	Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	8	8	2	2
6.	Pertanian Dan Industri Asas Tani*	8	8	6	6
7.	Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah*	7	7	37	40
8.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	5	5	1	1
9.	Belia Dan Sukan	5	5	0	0
10.	Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia	2	4	2	2
11.	Pertahanan	4	4	9	6
12.	Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	4	4	0	0
13.	Sumber Asli Dan Alam Sekitar	3	3	0	0
14.	Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	3	3	0	0
15.	Wilayah Persekutuan	3	3	5	6
16.	Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2	2	0	0
17.	Kerja Raya Malaysia	2	2	2	2
18.	Sumber Manusia	2	2	0	0
19.	Komunikasi Dan Multimedia Malaysia*	4	2	2	2
20.	Kesihatan Malaysia	2	2	0	0
21.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1	1	0	0
22.	Sains, Teknologi Dan Inovasi	1	1	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>127</b>	<b>127</b>	<b>169</b>	<b>183</b>

Sumber : Penyata Kewangan Dan Maklumat Daripada Agensi


Nota : (\*) Prestasi kewangan BBP yang diberikan Pendapat Berteguran, Penafian dan belum disahkan adalah tidak dilaporkan di Laporan Ketua Audit Negara 2014 termasuk syarikat subsidiarinya

#### 5.1.4 Analisis Pendapatan

5.1.4.1 Pada tahun 2014, pendapatan Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM99.23 bilion iaitu meningkat sejumlah RM7.51 bilion atau 8.2% berbanding RM91.72 bilion pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, pendapatan janaan sendiri berjumlah RM82.53 bilion atau 83.2% berbanding geran mengurus

sejumlah RM16.70 bilion atau 16.8%. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan mengikut kategori pada tahun 2013 dan 2014 adalah seperti carta berikut:


**CARTA 5.1 : PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KATEGORI PADA TAHUN 2013 DAN 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

5.1.4.2 Pada tahun 2014, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia memperoleh pendapatan tertinggi berjumlah RM57.16 bilion, diikuti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM16.46 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM6.28 bilion dan Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM4.40 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain pula merangkumi RM14.93 bilion daripada jumlah keseluruhan pendapatan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2014. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.2 : PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2013 DAN 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014


5.1.4.3 Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia telah meningkat sejumlah RM4.29 bilion atau 8.1% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan pendapatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejumlah RM4.09 bilion dan Bank Negara Malaysia sejumlah RM1.73 bilion. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia turut meningkat masing-masing sejumlah RM2 bilion atau 13.8% dan RM0.69 bilion atau 18.6% pada tahun 2014 berbanding 2013. Bagaimanapun, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri mengalami penurunan pendapatan sejumlah RM0.34 bilion atau 5.1% pada tahun 2014 berbanding 2013. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mencatat peningkatan pendapatan sejumlah RM0.87 bilion atau 6.2% pada tahun 2014 berbanding 2013.

#### **5.1.5 Pendapatan Janaan Sendiri**

5.1.5.1 Pendapatan janaan sendiri merupakan hasil yang diperoleh daripada aktiviti seperti pelaburan dalam syarikat subsidiari, ekuiti, sekuriti, bon, pengurus dana, simpanan tetap, pemberian pinjaman, yuran pengajian serta jualan produk dan perkhidmatan.

5.1.5.2 Pada tahun 2014, pendapatan janaan sendiri oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM82.53 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM5.75 bilion atau 7.5% berbanding RM76.78 bilion pada tahun 2013. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia mencatatkan pendapatan janaan sendiri tertinggi berjumlah RM55.41 bilion. Ini diikuti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM6.27 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM6.06 bilion dan Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM4.38 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mencatat pendapatan janaan sendiri sejumlah RM10.41 bilion. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.3 : PENDAPATAN JANAAN SENDIRI OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2013 DAN 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

5.1.5.3 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia mencatatkan peningkatan pendapatan janaan sendiri sejumlah RM4.38 bilion atau 8.6% pada tahun 2014 berbanding 2013. Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia turut mencatatkan peningkatan pendapatan janaan sendiri sejumlah RM0.22 bilion atau 3.6% dan RM0.69 bilion atau 18.7% pada tahun 2014 berbanding 2013. Bagaimanapun, Jabatan Perdana Menteri mengalami penurunan sejumlah RM0.23 bilion atau 3.7% pada tahun 2014 berbanding 2013. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain pula mencatatkan peningkatan sejumlah RM0.69 bilion atau 7.1% pada tahun 2014.

5.1.5.4 Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mencatatkan pendapatan janaan sendiri tertinggi pada tahun 2014 berjumlah RM39.24 bilion iaitu 47.5% daripada keseluruhan pendapatan janaan sendiri oleh Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Lembaga Tabung Haji seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.2 : BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEH PENDAPATAN JANAAN SENDIRI TERTINGGI PADA TAHUN 2014**

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	PENDAPATAN JANAAN SENDIRI (RM Bilion)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	39.24
Bank Negara Malaysia	8.48
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	4.96

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	PENDAPATAN JANAAN SENDIRI (RM Bilion)
Pertubuhan Keselamatan Sosial	4.34
Lembaga Tabung Haji	3.29


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

### 5.1.6 Geran Mengurus

5.1.6.1 Geran mengurus diberikan oleh Kerajaan kepada Badan Berkanun Persekutuan sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ini termasuk bagi membiayai gaji dan elauan pegawai Badan Berkanun Persekutuan serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan dan pentadbiran.

5.1.6.2 Pada tahun 2014, geran mengurus yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM16.70 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM1.76 bilion atau 11.8% berbanding RM14.94 bilion pada tahun 2013. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia menerima geran mengurus tertinggi berjumlah RM10.19 bilion. Ini diikuti oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah berjumlah RM2.01 bilion, Kementerian Kewangan Malaysia berjumlah RM1.74 bilion dan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia berjumlah RM0.66 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain pula menerima geran mengurus sejumlah RM2.10 bilion. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.4 : GERAN MENGURUS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2013 DAN 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

5.1.6.3 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia mencatatkan peningkatan penerimaan geran mengurus sejumlah RM1.78 bilion atau 21.2% pada tahun 2014 berbanding 2013. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah turut mencatatkan peningkatan penerimaan geran mengurus sejumlah RM0.14 bilion atau 7.5% pada tahun 2014 berbanding 2013. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan Malaysia dan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia mengalami penurunan masing-masing sejumlah RM0.10 bilion atau 5.4% dan RM0.05 bilion atau 7%. Jumlah geran mengurus yang diterima oleh kementerian lain juga mengalami penurunan sejumlah RM0.01 bilion atau 0.5% pada tahun 2014. Antara Badan Berkanun Persekutuan yang menerima geran mengurus tertinggi adalah Universiti Teknologi MARA dan Majlis Amanah Rakyat.

5.1.6.4 Analisis Audit mendapati sebanyak 44 Badan Berkanun Persekutuan tidak menerima sebarang geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2013 dan 2014. Analisis terhadap penerimaan geran mengurus Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapati 5 kementerian mengalami peratus penurunan yang tertinggi bagi penerimaan geran mengurus tahun 2014 berbanding tahun 2013 seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.3 : PENURUNAN TERIMAAN GERAN MENGURUS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2014**

KEMENTERIAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	PENURUNAN	
			(RM Juta)	(%)
Jabatan Perdana Menteri	326.26	227.08	99.18	30.4
Kesihatan Malaysia	16.90	13.24	3.66	21.7
Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia	710.67	659.03	51.64	7.3
Kewangan Malaysia	1,844.96	1,743.50	101.46	5.5
Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	67.13	64.33	2.80	4.2

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

5.1.6.5 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang. Sebanyak 76 daripada 120 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran mengurus daripada Kerajaan yang merangkumi 16.8% daripada jumlah pendapatan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan.

#### 5.1.7 Analisis Lebihan/Kurangan Pendapatan

5.1.7.1 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebihan pendapatan berjumlah RM54.04 bilion pada tahun 2014 iaitu peningkatan

sejumlah RM6.93 bilion atau 14.7% berbanding RM47.11 bilion pada tahun 2013. Pada tahun 2014, sebanyak 93 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebihan pendapatan berjumlah RM55.70 bilion berbanding 89 Badan Berkanun Persekutuan yang memperoleh lebihan pendapatan berjumlah RM49.99 bilion pada tahun 2013. Lima Badan Berkanun Persekutuan yang memperoleh lebihan pendapatan tertinggi bagi tahun 2014 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.4 : BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEH LEBIHAN PENDAPATAN TERTINGGI PADA TAHUN 2014**

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	LEBIHAN PENDAPATAN (RM Bilion)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	36.81
Bank Negara Malaysia	6.39
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	4.84
Lembaga Tabung Haji	2.98
Pertubuhan Keselamatan Sosial	1.45

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

5.1.7.2 Selain itu, sebanyak 27 Badan Berkanun Persekutuan mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM1.66 bilion pada tahun 2014 berbanding 31 Badan Berkanun Persekutuan dengan kurangan pendapatan sejumlah RM2.88 bilion pada tahun 2013. Prestasi lebihan/kurangan pendapatan Badan Berkanun Persekutuan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.5 : PRESTASI LEBIHAN/KURANGAN PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2013 DAN 2014**


TAHUN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEH LEBIHAN PENDAPATAN		BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENGALAMI KURANGAN PENDAPATAN		LEBIHAN PENDAPATAN KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)
2013	89	49.99	31	2.88	120	47.11
2014	93	55.70	27	1.66	120	54.04

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

5.1.7.3 Prestasi Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia memperoleh lebihan pendapatan tertinggi berjumlah RM48.37 bilion atau 89.5% daripada jumlah keseluruhan lebihan pendapatan. Ini diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM2.04 bilion, Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM1.48 bilion dan Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM1.20 bilion.

Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain pula mencatatkan lebihan pendapatan berjumlah RM0.95 bilion. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.5 : LEBIHAN PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2013 DAN 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

5.1.7.4 Analisis selanjutnya mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia mencatatkan peningkatan lebihan pendapatan sejumlah RM4.38 bilion atau 10% pada tahun 2014 berbanding 2013. Ini disebabkan peningkatan lebihan pendapatan 2 Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian ini iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejumlah RM5.35 bilion atau 17% kepada RM36.81 bilion dan Bank Negara Malaysia sejumlah RM0.93 bilion atau 17% kepada RM6.39 bilion pada tahun 2014.

5.1.7.5 Analisis juga mendapati 5 kementerian mengalami jumlah kurangan pendapatan tertinggi pada tahun 2014 seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.6 : KURANGAN PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2014**

KEMENTERIAN	JUMLAH KURANGAN PENDAPATAN (RM Juta)
Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	140.63
Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia	90.03
Wilayah Persekutuan	67.66
Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	32.48
Kerja Raya Malaysia	18.96

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

5.1.7.6 Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2014 mencatat peningkatan pendapatan sejumlah


RM7.51 bilion atau 8.2% kepada RM99.23 bilion pada tahun 2014 berbanding RM91.72 bilion pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan pendapatan janaan sendiri berjumlah RM5.75 bilion atau 7.5% kepada RM82.53 bilion pada tahun 2014 berbanding RM76.78 bilion pada tahun 2013. Badan Berkanun Persekutuan juga mencatatkan peningkatan lebihan pendapatan berjumlah RM54.04 bilion pada tahun 2014 berbanding RM47.11 bilion pada tahun 2013.

### 5.1.8 Analisis Kumpulan Wang Terkumpul

5.1.8.1 Kumpulan wang terkumpul Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2014 adalah berjumlah RM1,003.82 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM80.17 bilion atau 8.7% berbanding RM923.65 bilion pada tahun 2013. Kumpulan wang terkumpul ini terdiri daripada modal berbayar, rizab am, lebihan/kurangan pendapatan semasa dan yang dibawa dari tahun sebelumnya. Ini tidak mengambil kira kumpulan wang lain seperti Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan, Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

5.1.8.2 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia mempunyai kumpulan wang terkumpul yang tertinggi berjumlah RM825.20 bilion, diikuti Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM75.14 bilion, Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM34.67 bilion dan Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM25.75 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain pula mempunyai kumpulan wang terkumpul berjumlah RM43.06 bilion. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.6 : KEDUDUKAN KUMPULAN WANG TERKUMPUL BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG TERTINGGI MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

5.1.8.3 Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia mencatatkan peratus peningkatan kumpulan wang terkumpul tertinggi iaitu sebanyak 255.7% atau RM22.45 juta kepada RM31.23 juta pada tahun 2014 berbanding RM8.78 juta pada tahun 2013. Ini diikuti oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dengan peningkatan sebanyak 50.7% atau RM80.61 juta kepada RM239.76 juta berbanding RM159.15 juta pada tahun 2013 dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air sebanyak 41.5% atau RM514.24 juta kepada RM1,754.40 juta berbanding RM1,240.16 juta pada tahun 2013.

5.1.8.4 Analisis Audit selanjutnya mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan mengalami peratus penurunan kumpulan wang terkumpul yang tertinggi iaitu sebanyak 80.6% atau RM258.90 juta kepada RM62.28 juta berbanding RM321.18 juta pada tahun 2013. Ini diikuti oleh Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi iaitu sebanyak 29.4% atau RM4.68 juta kepada RM11.23 juta berbanding RM15.91 juta pada tahun 2013. Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia mengalami penurunan sebanyak 13.9% atau RM101.95 juta kepada RM629.61 juta berbanding RM731.56 juta pada tahun 2013. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.7 : KEDUDUKAN PERATUS PENINGKATAN/PENURUNAN KUMPULAN WANG TERKUMPUL BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2014**

KEMENTERIAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	PENINGKATAN	
			(RM Juta)	(%)
Kesihatan Malaysia	8.78	31.23	22.45	255.7
Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	159.15	239.76	80.61	50.7
Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	1,240.16	1,754.40	514.24	41.5

KEMENTERIAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	PENURUNAN	
			(RM Juta)	(%)
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	321.18	62.28	258.90	80.6
Sains, Teknologi Dan Inovasi	15.91	11.23	4.68	29.4
Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia	731.56	629.61	101.95	13.9

*Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014*

5.1.8.5 Pihak Berkuasa Peranti Perubatan merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang mencatat peratus peningkatan kumpulan wang terkumpul tertinggi iaitu sebanyak 997.7%. Peningkatannya sejumlah RM21.55 juta kepada RM23.71 juta pada tahun 2014 berbanding sejumlah RM2.16 juta pada tahun 2013. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja Dan Yang Di Pertua-Yang Di Pertua Negeri yang mencatatkan peratus peningkatan kumpulan wang terkumpul yang signifikan

iaitu sebanyak 293.5% atau RM32.17 juta kepada RM43.13 juta berbanding RM10.96 juta pada tahun 2013.


5.1.8.6 Sehingga 31 Disember 2014, kumpulan wang terkumpul bagi Lembaga Lebuhraya Malaysia telah mengalami defisit sejumlah RM237.64 juta berbanding defisit RM236.81 juta pada tahun 2013. Defisit ini adalah berikutan daripada kerugian pertukaran wang asing dan faedah pinjaman luar negara dari tahun 1985 sehingga 2008 untuk membiayai pembinaan lebuh raya.

#### 5.1.9 Analisis Aset

5.1.9.1 Aset Badan Berkanun Persekutuan merupakan aset semasa dan bukan semasa yang terdiri daripada harta tanah, loji dan peralatan, kerja dalam pelaksanaan, pelaburan syarikat subsidiari dan bersekutu, pinjaman kepada kakitangan, penghutang, pelaburan jangka pendek, simpanan tetap dan tunai.

5.1.9.2 Pada tahun 2014, aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat peningkatan sejumlah RM32.09 bilion atau 2.2% kepada RM1,482.84 bilion berbanding RM1,450.75 bilion pada tahun 2013. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia mempunyai jumlah aset tertinggi berjumlah RM1,221.80 bilion atau 82.4% daripada keseluruhan aset Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM85.37 bilion atau 5.8%, Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM80.70 bilion atau 5.4% dan Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM26.53 bilion atau 1.8%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain pula mempunyai aset berjumlah RM68.44 bilion atau 4.6%. Kedudukan aset Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.7 : KEDUDUKAN ASET BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

5.1.9.3 Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia mencatat jumlah peningkatan aset tertinggi iaitu sejumlah RM13.93 bilion atau 1.2% berbanding tahun 2013. Ini diikuti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu peningkatan sejumlah RM8.35 bilion atau 11.5%, Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM5.92 bilion atau 7.5%, Kementerian Sumber Manusia sejumlah RM1.75 bilion atau 7.1% dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sejumlah RM1.11 bilion atau 4.6% berbanding tahun 2013 seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.8 : PENINGKATAN ASET TERTINGGI MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2014**

KEMENTERIAN	2013 (RM Bilion)	2014 (RM Bilion)	PENINGKATAN	
			(RM Bilion)	(%)
Kewangan Malaysia	1,207.87	1,221.80	13.93	1.2
Pendidikan Malaysia	72.35	80.70	8.35	11.5
Jabatan Perdana Menteri	79.45	85.37	5.92	7.5
Sumber Manusia	24.78	26.53	1.75	7.1
Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	24.12	25.23	1.11	4.6

*Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014*

5.1.9.4 Selain itu, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri mengalami penurunan jumlah aset tertinggi sejumlah RM132.28 juta atau 8.8% kepada RM1,363.12 juta berbanding RM1,495.40 juta pada tahun 2013. Ia diikuti oleh Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu penurunan sejumlah RM130.38 juta atau 2.7% dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan sejumlah RM103.22 juta atau 22.9% berbanding tahun 2013.

5.1.9.5 Analisis terhadap peratus peningkatan aset mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia mencatat peratus peningkatan aset yang ketara sebanyak 248.2% atau RM22.46 juta kepada RM31.51 juta berbanding RM9.05 juta pada tahun 2013. Ia diikuti oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.9 : PERATUS PENINGKATAN ASET TERTINGGI MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2014**

KEMENTERIAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	PENINGKATAN	
			(RM Juta)	(%)
Kesihatan Malaysia	9.05	31.51	22.46	248.2
Pembangunan Keluarga, Wanita Dan Masyarakat	165.09	250.46	85.37	51.7
Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	1,273.70	1,818.63	544.93	42.8

*Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014*

5.1.9.6 Pada tahun 2014, Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai jumlah aset tertinggi adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Bank Negara Malaysia dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) masing-masing berjumlah RM646.70 bilion, RM427.62 bilion dan RM109.84 bilion. Analisis mendapati Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mencatat peningkatan aset tertinggi diikuti Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Tabung Haji dan Universiti Teknologi MARA seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.10 : PENINGKATAN ASET TERTINGGI MENGIKUT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2014**

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2013 (RM Bilion)	2014 (RM Bilion)	PENINGKATAN	
			(RM Bilion)	(%)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	597.82	646.70	48.88	8.2
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	100.09	109.84	9.75	9.7
Lembaga Tabung Haji	48.78	54.75	5.97	12.2
Universiti Teknologi MARA	8.42	11.11	2.69	31.9

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014

5.1.9.7 Aset utama Badan Berkanun Persekutuan adalah pelaburan yang terdiri daripada pelaburan ekuiti, pasaran wang, harta tanah, bon dan Sekuriti Kerajaan Malaysia. Pelaburan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2014 berjumlah RM1,160.79 bilion atau 78.3% daripada jumlah keseluruhan aset dan mencatatkan peningkatan sejumlah RM1.20 bilion atau 0.1% berbanding RM1,159.59 bilion pada tahun 2013. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM1,081.61 bilion atau 93.2% daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Ini diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM54.24 bilion atau 4.7%, Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM10.94 bilion atau 0.9%, Kementerian Pertahanan berjumlah RM7.17 bilion atau 0.6% dan Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM3.59 bilion atau 0.3%.

5.1.9.8 Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara mencatatkan peratusan peningkatan pelaburan tertinggi sebanyak 146.5 juta peratus iaitu meningkat daripada RM71 pada tahun 2013 kepada RM104 juta pada tahun 2014. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh pelaburan wang hasil pampasan tanah yang diletakkan dalam CIMB Islamic Dali Equity Theme Fund pada tahun semasa. Majlis Peperiksaan Malaysia juga mencatatkan peratus peningkatan pelaburan yang tinggi sebanyak 1,624.5% atau RM163.10 juta kepada RM173.14 juta pada tahun 2014 berbanding RM10.04 juta pada tahun 2013.

5.1.9.9 Antara Badan Berkanun Persekutuan lain yang mencatatkan jumlah peningkatan dan penurunan pelaburan tertinggi pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.11: BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENCATAT  
PENINGKATAN DAN PENURUNAN PELABURAN TERTINGGI**

<b>BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN</b>	<b>2013</b> <b>(RM Billion)</b>	<b>2014</b> <b>(RM Billion)</b>	<b>PENINGKATAN</b>	
	<b>(RM Billion)</b>	<b>(%)</b>		
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	91.89	103.45	11.56	12.6
Lembaga Tabung Haji	36.57	45.32	8.75	23.9
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	573.51	580.44	6.93	1.2

<b>BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN</b>	<b>2013</b> <b>(RM Billion)</b>	<b>2014</b> <b>(RM Billion)</b>	<b>PENURUNAN</b>	
	<b>(RM Billion)</b>	<b>(%)</b>		
Bank Negara Malaysia	416.17	384.53	31.64	7.6
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	9.63	8.81	0.82	8.5
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia	0.07	0.05	0.02	28.6

Sumber: *Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014*

5.1.9.10 Aset tunai dan kesetaraan tunai yang terdiri daripada tunai di tangan dan bank, simpanan tetap dan pelaburan jangka pendek pada tahun 2014 bagi Badan Berkanun Persekutuan menurun sejumlah RM22.59 bilion atau 18.7% kepada RM98.16 bilion berbanding RM120.75 bilion pada tahun 2013. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia mempunyai tunai dan kesetaraan tunai tertinggi berjumlah RM43.29 bilion atau 44.1% daripada jumlah keseluruhan tunai dan kesetaraan tunai. Selain itu, Bank Negara Malaysia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial mempunyai tunai dan kesetaraan tunai tertinggi masing-masing berjumlah RM31.66 bilion dan RM11.70 bilion.

5.1.9.11 Tunai dan kesetaraan tunai Lembaga Penyelidikan Dan Kemajuan Perusahaan Timah pada tahun 2014 meningkat sejumlah RM181,466 atau 1,573.9% kepada RM192,996 berbanding RM11,530 pada tahun 2013. Peningkatan ketara ini antaranya disebabkan oleh peningkatan kadar ses yang dikenakan terhadap timah yang dieksport dari Malaysia dan penerimaan pembayaran daripada pengutang. Selain itu, tunai dan kesetaraan tunai bagi Lembaga Tabung Angkatan Tentera menurun pada tahun 2014 sejumlah RM1,103.01 juta atau 98.7% kepada RM14.60 juta berbanding RM1,117.61 juta pada tahun 2013. Penurunan ini antaranya disebabkan lebihan wang tunai yang telah dilaburkan kepada syarikat subsidiari dan pelbagai pelaburan.

### 5.1.10 Analisis Liabiliti

5.1.10.1 Liabiliti semasa dan bukan semasa Badan Berkanun Persekutuan adalah terdiri daripada komponen utama seperti pinjaman, overdraf, pembiutang, deposit dan pendahuluan. Pada tahun 2014, liabiliti Badan Berkanun Persekutuan telah mengalami penurunan sejumlah RM48.07 bilion atau 9.2% kepada RM477.05 bilion berbanding RM525.12 bilion pada tahun 2013.

5.1.10.2 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM396.56 bilion atau 83.1% daripada jumlah keseluruhan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, Bank Negara Malaysia mencatatkan liabiliti tertinggi sejumlah RM359.37 bilion yang merupakan deposit oleh Institusi Kewangan, Kertas Bank Negara dan mata wang dalam edaran.

5.1.10.3 Pada tahun 2014, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera di bawah Kementerian Pertahanan telah mengalami peratus peningkatan liabiliti yang tertinggi sebanyak 551.2% atau RM11.3 juta iaitu peningkatan dari RM2.05 juta pada tahun 2013 kepada RM13.35 juta. Ini adalah disebabkan pendapatan tertunda Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran ATM yang belum dibelanjakan dalam tahun 2014. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pula telah mengalami peningkatan jumlah liabiliti tertinggi daripada RM30.69 bilion pada tahun 2013 kepada RM35.13 bilion pada tahun 2014 iaitu peningkatan sejumlah RM4.44 bilion atau 14.5%. Punca peningkatan liabiliti PTPTN disebabkan oleh pertambahan dalam dana Skim Simpanan Pendidikan Nasional sejumlah RM343.53 juta dan peningkatan bagi bayaran premium takaful sejumlah RM30.86 juta. Selain itu, Universiti Teknologi MARA di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia turut mengalami peningkatan liabiliti sejumlah RM2.41 bilion atau 40.2% iaitu daripada RM5.99 bilion pada tahun 2013 kepada RM8.40 bilion pada tahun 2014. Peningkatan liabiliti ini adalah disebabkan peningkatan pembiutang pajakan jangka pendek sejumlah RM60.74 juta dan peruntukan imbuhan tahunan sejumlah RM36.34 juta serta peruntukan denda mahkamah sejumlah RM17.84 juta yang diwujudkan pada tahun 2014.

5.1.10.4 Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja Dan Yang Di Pertua-Yang Di Pertua Negeri di bawah Jabatan Perdana Menteri mencatatkan peratus penurunan liabiliti tertinggi iaitu sebanyak 99.4% atau RM3.30 juta daripada RM3.32 juta kepada RM0.02 juta pada tahun 2014. Penurunan ini disebabkan oleh bayaran pendahuluan bagi jualan tanah pada tahun 2013 berjumlah RM3.31 juta telah diiktiraf sebagai pendapatan daripada penjualan tanah tersebut. Selain itu, penurunan ketara bagi jumlah liabiliti ditunjukkan oleh Bank Negara Malaysia yang mencatatkan penurunan sejumlah RM60.31 bilion atau 14.4% kepada RM359.37 bilion berbanding RM419.68 bilion pada tahun 2013. Ini disebabkan pengurangan deposit oleh Institusi Kewangan sejumlah RM57.55 bilion, Kerajaan Persekutuan sejumlah RM1.84 bilion dan lain-lain deposit sejumlah RM858.55 juta serta pengurangan simpanan oleh Institusi Kewangan di bawah perjanjian repo. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi juga menunjukkan penurunan liabiliti yang ketara daripada RM1.52 bilion pada tahun 2013 kepada RM1.20 bilion pada tahun 2014 iaitu sejumlah

RM0.32 bilion atau 21% kerana MPOB telah melunaskan geran projek pembangunan sejumlah RM0.24 bilion pada tahun 2014.

5.1.10.5 Kedudukan peratus peningkatan dan penurunan liabiliti tertinggi Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian pada tahun 2014 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.12: PENINGKATAN DAN PENURUNAN LIABILITI TERTINGGI MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2014**

KEMENTERIAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	PENINGKATAN	
			(RM Juta)	(%)
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	116.15	399.27	283.12	243.8
Pembangunan Keluarga, Wanita Dan Masyarakat	4.39	9.14	4.75	108.2
Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	33.37	64.23	30.86	92.5

KEMENTERIAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	PENURUNAN	
			(RM Juta)	(%)
Komunikasi Dan Multimedia	45.55	26.81	18.74	41.1
Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	419.56	312.67	106.89	25.5
Sains, Teknologi Dan Inovasi	129.24	99.26	29.98	23.2

*Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014*

5.1.10.6 Pinjaman merupakan sebahagian daripada liabiliti Badan Berkanun Persekutuan. Pada tahun 2014, sebanyak 22 daripada 120 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai pinjaman berjumlah RM151.26 bilion dengan peningkatan sejumlah RM4.04 bilion atau 2.7% berbanding RM147.22 bilion pada tahun 2013. Bank Negara Malaysia mempunyai pinjaman tertinggi berjumlah RM105.48 bilion diikuti oleh PTPTN berjumlah RM33.20 bilion dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berjumlah RM6.13 bilion. PTPTN mencatatkan peningkatan pinjaman tertinggi sejumlah RM4 bilion atau 13.7% kepada RM33.20 bilion berbanding RM29.20 bilion pada tahun 2013. Ini disebabkan penerbitan sukuk berjaminan yang dilanggan sepenuhnya oleh Maybank Investment Bank Berhad yang berjumlah RM4.50 bilion bagi menampung pembiayaan yang dilakukan oleh PTPTN.

### 5.1.11 Analisis Liabiliti Luar Jangka

5.1.11.1 Liabiliti luar jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan sekiranya berlaku peristiwa masa hadapan dan di luar kawalan agensi atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana ia tidak dijangka. Setakat 31 Disember 2014, sebanyak 27 daripada 120 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah RM1.18 bilion dengan penurunan sejumlah RM0.05 bilion atau 4.1% berbanding RM1.23 bilion pada tahun

2013. Majlis Amanah Rakyat (MARA) mempunyai liabiliti luar jangka tertinggi berjumlah RM0.39 bilion diikuti oleh Lembaga Totalisator Malaysia berjumlah RM0.21 bilion dan Lembaga Pelabuhan Kelang berjumlah RM0.18 bilion.

5.1.11.2 Antara liabiliti luar jangka terbesar bagi MARA adalah tuntutan bekas penyewa dan peminjam berjumlah RM357.08 juta, tuntutan ganti rugi perniagaan dan reputasi berjumlah RM15 juta, tuntutan bayaran akhir kontrak oleh pembekal berjumlah RM10.81 juta serta tuntutan ke atas kerja membaiki kecacatan dan pelepasan wang tahanan berjumlah RM4 juta. Liabiliti luar jangka bagi Lembaga Totalisator Malaysia terdiri daripada tuntutan bagi perbelanjaan totalisator dan *minimum guaranteed sum* oleh ejen berjumlah RM214.28 juta. Liabiliti luar jangka Lembaga Pelabuhan Kelang adalah berkenaan cukai tanah dan premium yang perlu dibayar berkaitan dengan tanah Kerajaan Negeri Selangor yang dipindah milik kepada atau diduduki oleh Lembaga yang belum diperuntukkan di dalam akaun berjumlah RM31.71 juta dan kes mahkamah sivil berhubung pertikaian terhadap tuntutan kerja berkaitan pembangunan *Port Klang Free Zone* berjumlah RM147.86 juta. Lima Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai liabiliti luar jangka tertinggi adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.13 : LIABILITI LUAR JANGKA TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2014**

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Majlis Amanah Rakyat	408.96	390.73
Lembaga Totalisator Malaysia	-	214.28
Lembaga Pelabuhan Kelang	179.02	179.57
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	124.90	136.22
Perbadanan Perwira Harta Malaysia	100.03	90.05
<b>JUMLAH</b>	<b>812.91</b>	<b>1,010.85</b>

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2013 dan 2014

## 5.2 Prestasi Penggunaan Geran Pembangunan

Pada tahun 2014, sebanyak 60 daripada 120 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM4.12 bilion. Jumlah ini menurun sejumrah RM0.58 bilion atau 12.3% berbanding tahun 2013 berjumlah RM4.70 bilion. Analisis prestasi penggunaan geran pembangunan telah dibuat terhadap Badan Berkanun Persekutuan di bawah 4 kementerian yang menerima geran pembangunan tertinggi iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah. Baki kumpulan wang pembangunan bagi 4 kementerian tersebut pada 31 Disember 2014 adalah berjumlah RM35.63 bilion. Analisis penggunaan geran pembangunan adalah seperti berikut:

### **5.2.1 Jabatan Perdana Menteri**

Pemberian geran pembangunan kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri antaranya adalah untuk pembangunan wilayah ekonomi pantai timur, utara dan selatan serta pembangunan perumahan berkualiti tinggi bagi penduduk bandar berpendapatan sederhana. Pada tahun 2014, sebanyak 6 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah menerima geran pembangunan iaitu Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Perbadanan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia, Agensi Inovasi Malaysia, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang. Jumlah geran pembangunan yang diterima adalah RM1.17 bilion iaitu penurunan sejumlah RM0.48 bilion atau 29.1% berbanding RM1.65 bilion yang diterima pada tahun 2013. Penurunan tertinggi berjumlah RM0.25 bilion atau 33.6% dicatatkan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang juga merupakan penerima geran tertinggi berjumlah RM0.50 bilion atau 42.7% daripada jumlah geran yang diterima di bawah Jabatan Perdana Menteri. Baki geran pembangunan bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah jabatan ini pada akhir tahun 2014 berjumlah RM2.63 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM0.50 bilion atau 23.5% berbanding RM2.13 bilion pada tahun 2013.

### **5.2.2 Kementerian Pendidikan Malaysia**

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ialah antaranya melaksana projek pembinaan kampus tetap universiti, menaik taraf bangunan, membaik pulih peralatan, membeli kelengkapan pendidikan, peralatan makmal, penyelidikan dan meningkatkan rangkaian komunikasi maklumat. Geran pembangunan yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2014 adalah berjumlah RM1.11 bilion iaitu penurunan sejumlah RM0.19 bilion atau 14.6% berbanding RM1.30 bilion pada tahun 2013. Universiti Teknologi MARA mengalami penurunan tertinggi bagi penerimaan geran iaitu sejumlah RM0.21 bilion atau 65.8%. Universiti Teknologi Malaysia telah menerima geran tertinggi iaitu berjumlah RM0.13 bilion atau 11.7% daripada keseluruhan jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Baki geran pembangunan bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian ini pada akhir tahun 2014 berjumlah RM20.17 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM0.02 bilion atau 0.1% berbanding RM20.15 bilion pada tahun 2013.

### **5.2.3 Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi**

Pemberian geran pembangunan kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi adalah untuk projek

pembangunan industri perladangan dan komoditi. Pada tahun 2014, jumlah geran pembangunan yang diterima adalah RM0.52 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM0.10 bilion atau 23.8% berbanding RM0.42 bilion yang diterima pada tahun 2013. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia mencatatkan peningkatan tertinggi sejumlah RM0.07 bilion atau 969.8%. Lembaga Minyak Sawit Malaysia menerima geran tertinggi berjumlah RM0.24 bilion atau 46.2% daripada jumlah geran yang diterima di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi. Baki geran pembangunan bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian ini pada akhir tahun 2014 berjumlah RM0.72 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM0.03 bilion atau 4.3% berbanding RM0.69 bilion pada tahun 2013.

#### **5.2.4 Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah ialah antaranya memajukan masyarakat luar bandar dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha pembangunan manusia dan ekonomi dengan tumpuan kepada peningkatan taraf hidup. Selain itu, program tersebut juga meliputi pembangunan industri, perumahan dan kemudahan infrastruktur. Geran pembangunan yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah pada tahun 2014 adalah berjumlah RM0.35 bilion iaitu penurunan sejumlah RM0.03 bilion atau 7.9% berbanding RM0.38 bilion pada tahun 2013. Penurunan tertinggi sejumlah RM0.02 bilion atau 6.3% dialami oleh Majlis Amanah Rakyat yang juga menerima geran tertinggi iaitu berjumlah RM0.26 bilion atau 74.3% daripada keseluruhan jumlah geran yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah. Baki geran pembangunan bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian ini pada akhir tahun 2014 berjumlah RM11.37 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.18 bilion atau 1.6% berbanding RM11.19 bilion pada tahun 2013.

### **5.3 Prestasi Syarikat Subsidiari**

5.3.1 Pada tahun 2014, secara keseluruhannya sebanyak 51 Badan Berkanun Persekutuan telah melabur dalam 177 syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti melebihi 50% bernilai RM31.19 bilion berbanding 161 syarikat subsidiari pada tahun 2013 bernilai RM25.96 bilion. Analisis Audit mendapati daripada 177 syarikat subsidiari tersebut, sebanyak 142 syarikat subsidiari masih beroperasi, 18 baru ditubuhkan, 13 tidak aktif dan 4 dalam proses pembubaran. Perubahan bilangan syarikat subsidiari kepada 177 pada tahun 2014 berbanding 161 pada tahun 2013 adalah disebabkan penubuhan 18 syarikat subsidiari baru dan 2 syarikat subsidiari telah dibubarkan.

5.3.2 Sebanyak 102 syarikat subsidiari telah mencatat keuntungan selepas cukai berjumlah RM4.07 bilion pada tahun 2014. Keuntungan ini telah meningkat sejumlah

RM1.64 bilion atau 67.5% berbanding RM2.43 bilion pada tahun 2013. Selain itu, sebanyak 70 syarikat subsidiari telah mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM0.42 bilion pada tahun 2014. Kerugian ini telah meningkat sejumrah RM0.31 bilion atau 281.8% berbanding RM0.11 bilion pada tahun 2013. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.14 : KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN SELEPAS CUKAI SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2013 DAN 2014**


TAHUN	KEUNTUNGAN		KERUGIAN	
	BILANGAN SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Bilion)	BILANGAN SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Bilion)
2013	93	2.43	60	0.11
2014	102	4.07	70	0.42

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2014

Nota : Analisis tidak termasuk 5 syarikat subsidiari pada tahun 2014 yang tidak mempunyai penyata kewangan kerana tidak aktif dan telah dibubarkan berbanding 8 syarikat subsidiari tidak aktif pada tahun 2013

5.3.3 Analisis Audit mendapati 25 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia dan 19 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan di Jabatan Perdana Menteri mencatatkan keuntungan selepas cukai tertinggi pada tahun 2014 berjumlah RM1.58 bilion atau 38.8% masing-masing daripada jumlah keseluruhan keuntungan selepas cukai. Analisis selanjutnya mendapati Kementerian Pertahanan mencatatkan keuntungan selepas cukai ketiga tertinggi berjumlah RM0.76 bilion melalui 3 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan di bawahnya. Syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain pula mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM0.15 bilion. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.8 : KEDUDUKAN KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN YANG TERTINGGI PADA TAHUN 2014**




Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2014

5.3.4 Analisis Audit juga mendapati 19 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri mencatat peningkatan keuntungan selepas cukai tertinggi pada tahun 2014 iaitu meningkat sejumlah RM1.15 bilion atau 267.4% kepada RM1.58 bilion berbanding RM0.43 bilion pada tahun 2013. Pada tahun 2014, hanya syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia mengalami penurunan keuntungan selepas cukai iaitu menurun sejumlah RM47,716 atau 71.3% kepada RM19,160 berbanding RM66,876 pada tahun 2013.

5.3.5 Analisis Audit mendapati 23 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan yang lain di bawah Kementerian Kewangan Malaysia mengalami kerugian selepas cukai tertinggi pada tahun 2014 iaitu berjumlah RM228.70 juta atau 54.8% daripada jumlah keseluruhan kerugian selepas cukai berjumlah RM417.71 juta. Ini diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri melalui 20 syarikat subsidiari berjumlah RM166.58 juta dan Kementerian Pertahanan melalui 3 syarikat subsidiari berjumlah RM6.63 juta. Syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain pula mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM15.80 juta. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 5.9 : KEDUDUKAN KERUGIAN SELEPAS CUKAI SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN YANG TERTINGGI PADA TAHUN 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2014

5.3.6 Analisis Audit juga mendapati satu syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi mengalami pengurangan kerugian selepas cukai yang ketara pada tahun 2014 iaitu sejumlah RM1.16 juta atau 95.1% kepada RM0.06 juta berbanding RM1.22 juta pada tahun 2013. Sebanyak 20 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri pula mencatat peningkatan kerugian selepas cukai yang tertinggi pada tahun 2014 iaitu sejumlah RM148.18 juta atau 805.3% kepada RM166.58 juta berbanding RM18.40 juta pada tahun 2013.

## 6 RUMUSAN

6.1 Secara keseluruhannya, sebanyak 123 penyata kewangan tahun 2014 Badan Berkanun Persekutuan telah diterima sebelum 30 April 2015 dan 3 Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April 2015 tetapi sebelum 30 Jun 2015 mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Dua Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan pada 10 dan 15 Julai 2015. Sebanyak 11 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan tidak termaktub dengan Akta 240 dan satu institusi kewangan didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993. Pengauditan terhadap penyata kewangan tersebut mendapati sebanyak 113 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 7 diberi pendapat berdasarkan *Emphasis of Matter*, 5 Pendapat Berteguran dan satu Pendapat Penafian. Satu penyata kewangan iaitu Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara bagi tahun kewangan 2014 telah diaudit tetapi belum dapat disahkan.

6.2 Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan telah meningkat pada tahun 2014 iaitu peningkatan pendapatan sejumlah RM7.51 bilion atau 8.2% kepada RM99.23 bilion berbanding RM91.72 bilion pada tahun 2013. Daripada jumlah pendapatan tersebut, pendapatan janaan sendiri merangkumi sejumlah RM82.53 bilion atau 83.2% berbanding geran mengurus sejumlah RM16.70 bilion atau 16.8%. Selain itu, aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat peningkatan sejumlah RM32.20 bilion atau 2.2% kepada RM1,482.84 bilion berbanding RM1,450.64 bilion pada tahun 2013. Liabiliti Badan Berkanun Persekutuan pula menunjukkan penurunan sejumlah RM48.07 bilion atau 9.2% kepada RM477.05 bilion pada tahun 2014 berbanding RM525.12 bilion pada tahun 2013.

6.3 Badan Berkanun Persekutuan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang. Sebanyak 76 daripada 120 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran mengurus daripada Kerajaan yang merangkumi 16.8% daripada jumlah pendapatan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan. Sebanyak 44 Badan Berkanun Persekutuan yang lain tidak menerima geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2014. Selain itu, sebanyak 60 daripada 120

Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM4.10 bilion pada tahun 2014 berbanding RM4.70 bilion pada tahun 2013.

6.4 Prestasi kewangan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2014 telah meningkat berbanding tahun sebelumnya. Keuntungan selepas cukai pada tahun 2014 telah meningkat sejumlaah RM1.64 bilion atau 67.5% kepada RM4.07 bilion berbanding RM2.43 bilion pada tahun 2013. Selain itu, sebanyak 70 syarikat subsidiari telah mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM417.71 juta pada tahun 2014 berbanding 60 syarikat subsidiari berjumlah RM106.52 juta pada tahun 2013.



2014

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



## **BAHAGIAN II**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

### **BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

---



**7**

## PELAKSANAAN SISTEM PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

### 7.1 PENDAHULUAN

7.1.1 Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Badan Berkanun Persekutuan (BBP) telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara memantau prestasi pengurusan kewangan di BBP yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

7.1.2 Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan indeks akauntabiliti mulai tahun 2007 berdasarkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan. Ia sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi BBP supaya lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing. BBP yang dipilih secara giliran setiap 3 tahun akan dinilai tahap pengurusan kewangan mereka berasaskan kriteria yang diukur secara objektif dan menjadi penanda aras ke arah penambahbaikan demi kecemerlangan pengurusan kewangan. Sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti mengambil kira 8 aspek utama kawalan pengurusan kewangan merangkumi kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor, pengurusan pelaburan dan pinjaman serta penyerahan penyata kewangan.

7.1.3 Badan Berkanun Persekutuan akan diberi markah terhadap setiap pematuhan kepada peraturan kewangan bagi aspek utama kawalan pengurusan kewangan dan penarafan diberi berdasarkan markah keseluruhan yang diperoleh oleh BBP. Jadual penarafan prestasi pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

**JADUAL 7.1 : PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN**

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90 – 100	Sangat Baik	★★★★
70 – 89	Baik	★★★
50 – 69	Memuaskan	★★
< 49	Tidak Memuaskan	★

## 7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan bagi tujuan untuk menilai pengurusan kewangan di BBP dan membolehkan penarafan diberi terhadap prestasi pengurusan kewangannya. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

- a. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah, aset dan stor, pelaburan serta pinjaman.
- c. Wujudnya polisi bagi pengurusan kewangan di BBP dan ianya mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
- d. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

## 7.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

7.3.1 Pada tahun 2014, pengauditan telah dijalankan di 35 BBP berdasarkan pusingan sekali dalam tempoh 3 tahun. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2014 serta penyata kewangan BBP bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 di BBP berkenaan. Penyemakan ini dilaksanakan bagi menilai kedudukan prestasi pengurusan kewangan BBP secara menyeluruh. Pengauditan hanya melibatkan BBP di peringkat Ibu Pejabat sahaja kecuali bagi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pengauditan turut dilaksanakan di 12 pejabat negeri.

7.3.2 Pelaksanaan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti adalah berdasarkan pengauditan terhadap 8 aspek utama kawalan pengurusan kewangan merangkumi kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor, pengurusan pelaburan dan pinjaman serta penyerahan penyata kewangan. Penjelasan lanjut mengenai setiap kawalan tersebut adalah seperti berikut:

### 7.3.2.1 Kawalan Pengurusan

Kawalan pengurusan merupakan kawalan utama dan menyeluruh oleh pihak pengurusan untuk memastikan pengurusan kewangan BBP dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Mekanisme kawalan pengurusan

meliputi struktur organisasi, sistem dan prosedur yang diwujudkan, keberkesanannya jawatankuasa dan Unit Audit Dalam yang ditubuhkan serta pengurusan sumber manusia. Pihak pengurusan perlu memastikan pengurusan kewangan diurus dengan baik melalui sistem dan prosedur yang teratur, kawalan dalam dan pemantauan yang berkesan.

#### **7.3.2.2 Kawalan Bajet**

Bajet adalah perancangan kewangan yang merupakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan BBP bagi sesuatu tahun kewangan. Pengurusan bajet bertujuan memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagih secara teratur mengikut kepentingan, mengawal operasi dan mengurus prestasi bagi mencapai objektifnya. Pengurusan bajet meliputi peringkat penyediaan, pindah peruntukan, kawalan dan pemantauan perbelanjaan hingga kepada pelaporan mengenai pencapaianannya.

#### **7.3.2.3 Kawalan Terimaan**

Pengurusan terimaan merupakan prosedur yang diwujudkan bagi memastikan semua pungutan BBP diurus mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan serta diakaunkan dengan sempurna. Di samping itu, BBP perlu memastikan semua aspek keselamatan telah diambil kira bagi melindungi aset, wang, resit dan kaunter kutipan.

#### **7.3.2.4 Kawalan Perbelanjaan**

Pengurusan perbelanjaan meliputi pengurusan perolehan, memproses bayaran dan perakaunan. Perbelanjaan dibuat sama ada melalui peruntukan mengurus dan pembangunan. Langkah kawalan perbelanjaan yang sempurna menjamin peruntukan dibelanjakan dengan cekap dan berhemat selaras dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Pengurusan perbelanjaan yang cekap dan berkesan dapat mengelakkan pembaziran, penyelewengan dan pemborosan.

#### **7.3.2.5 Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit**

- a. Akaun Amanah diwujudkan di bawah seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 manakala Kumpulan Wang Amanah diwujudkan di bawah seksyen 10, Akta yang sama. Akaun Amanah bertujuan mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada agensi bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan.
- b. Pengurusan akaun amanah, kumpulan wang amanah dan deposit hendaklah dibuat oleh BBP mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod individu perlu

diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan.

#### **7.3.2.6 Pengurusan Aset Dan Stor**

Pengurusan aset dan stor merangkumi perolehan, penggunaan, penyenggaraan, penyimpanan dan pelupusan. Ia hendaklah diurus secara cekap, teratur dan berhemat selaras dengan peraturan kewangan. Aset dan stor yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkod, dikawal dan dipantau dengan sempurna. Rekod berkaitan perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

#### **7.3.2.7 Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman**

- a. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan mengambil kira risiko yang berkaitan. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan. Rekod perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan.
- b. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negara, menampung perbelanjaan dan meningkatkan pembangunan sosioekonomi. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon.

#### **7.3.2.8 Penyerahan Penyata Kewangan**

- a. Pekeliling Kerajaan 1PP PA3.1/2013 berkaitan Garis Panduan Untuk Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan menetapkan supaya BBP mengemukakan penyata kewangan masing-masing kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat dari 30 April setiap tahun.
- b. Selain itu, BBP juga bertanggungjawab memastikan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangannya dikemukakan ke Kementerian selewat-lewatnya pada 30 September dan dibentangkan di Parlimen dalam tempoh satu tahun selepas berakhirnya tahun kewangan BBP tersebut. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua BBP. Di samping itu, pembentangan yang awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi kewangan BBP dengan lebih jelas, lengkap dan relevan.

## 7.4 PENEMUAN AUDIT

### 7.4.1 Prestasi Pengurusan Kewangan

7.4.1.1 Pada tahun 2014, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 35 daripada 127 BBP yang diaudit termasuk Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) beserta pejabat negeri CIDB. Daripada 35 BBP yang diaudit hanya 34 BBP diberi penarafan pada tahun 2014 seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.2 : AGENSI YANG DILAKSANAKAN PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN**

BIL.	AGENSI	TAHUN		
		2008	2011	2014
1.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)	✓	✓	✓
2.	Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)	✓	✓	✓
3.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	✓	✓	✓
4.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	✓	✓	✓
5.	Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)	✓	✓	✓
6.	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	✓	✓	✓
7.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	✓	✓	✓
8.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	✓	✓	✓
9.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	✓	✓	✓
10.	Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	✓	✓	✓
11.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	✓	✓	✓
12.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	✓	✓	✓
13.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	✓	✓	✓
14.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	✓	✓	✓
15.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	✓	✓	✓
16.	Lembaga Pelabuhan Johor (LP JOHOR)	✓	✓	✓
17.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	✓	✓	✓
18.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	✓	✓	✓
19.	Lembaga Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAFTANGAN)	✓	✓	✓
20.	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	✓	✓	✓
21.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	✓	✓	✓
22.	Lembaga Koko Malaysia (KOKO)	✓	✓	✓
23.	Lembaga Lada Malaysia (MPB)	✓	✓	✓
24.	Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)	✓	✓	✓
25.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	✓	✓	✓
26.	Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)	✓	✓	✓
27.	Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara (LKTN) #	✓	✓	✓
28.	Lembaga Pelabuhan Kuantan (LP KUANTAN)	✓	✓	✓
29.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	✓	✓	✓
30.	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	✓	✓	✓
31.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	✓*	✓	✓

BIL.	AGENSI	TAHUN		
		2008	2011	2014
32.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)	✓*	✓	✓
33.	Lembaga Pelabuhan Bintulu (LP BINTULU)	✓*	✓	✓
34.	Suruhanjaya Tenaga (ST)		✓	✓
35.	Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySIHAT)			✓**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (#) Diberi penarafan pada tahun 2014

(\*) Diaudit tahun 2009

(\*\*) Tidak diberi penarafan

- Sebanyak 33 BBP merupakan pengauditan pusingan ketiga di mana penarafan telah diberi pada tahun 2008, 2011 dan 2014 terhadap 30 BBP manakala bagi 2 BBP penarafan diberikan pada tahun 2009, 2011 dan 2014. Selain itu, Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara (LKTN) pula telah diberi penarafan buat pertama kali pada tahun 2014 walaupun pengauditan telah dilaksanakan pada tahun 2008 dan 2011. Ini disebabkan 8 aspek utama kawalan dan elemen yang dinilai pada tahun 2008 dan 2011 masih belum menyeluruh diwujudkan di LKTN.
- Satu BBP iaitu Suruhanjaya Tenaga merupakan pengauditan pusingan kedua di mana penarafan telah diberi pada tahun 2011 dan 2014.
- Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia merupakan BBP yang baru pertama kali diaudit dan memandangkan kebanyakan elemen kawalan adalah tidak berkenaan, maka penarafan tidak diberi.


7.4.1.2 Prestasi tahap penarafan pengurusan kewangan di BBP sejak tahun pertama penilaianya oleh Jabatan Audit Negara iaitu pada tahun 2007 sehingga 2014 adalah seperti jadual dan carta berikut:

**JADUAL 7.3 : PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2007 SEHINGGA 2014**

TAHAP PENARAFAN	BILANGAN BBP/TAHUN							
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Sangat Baik	2	-	2	10	4	6	9	5
Baik	22	30	27	19	28	11	28	28
Memuaskan	2	2	4	2	3	3	2	1
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	1	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>26</b>	<b>32</b>	<b>33</b>	<b>31</b>	<b>35</b>	<b>21</b>	<b>39</b>	<b>34</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara


**CARTA 7.1 : PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN 2007 SEHINGGA 2014**



Sumber: Jabatan Audit Negara

7.4.1.3 Secara keseluruhannya, tahap prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2014 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.2 : TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014**



Sumber: Jabatan Audit Negara

7.4.1.4 Pada tahun 2014, analisis menunjukkan 5 BBP atau 14.7% berada pada tahap Sangat Baik manakala 28 BBP atau 82.4% pada tahap Baik dan satu BBP atau 2.9% lagi pada tahap Memuaskan. Laporan ringkas terhadap 5 BBP yang mencapai tahap Sangat Baik adalah seperti berikut:


**a. Lembaga Lebuhraya Malaysia**

- i. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) ditubuhkan dengan objektif untuk merancang, mereka bentuk, memaju, mengendali dan menyenggara rangkaian lebuh raya moden yang lengkap dengan segala kemudahan dan keperluan bagi mengadakan suatu rangkaian pengangkutan jalan raya yang cepat, selamat dan cekap untuk negara secara keseluruhannya. Bagaimanapun, selepas Dasar Penswastaan Negara diperkenalkan pada tahun 1983, peranan LLM telah berubah iaitu daripada sebuah badan yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas lebuh raya bertol, menjadi sebuah badan yang mengawal selia pembangunan dan pengurusan lebuh raya bertol di Malaysia bagi memastikan syarikat konsesi lebuh raya sentiasa memberikan perkhidmatan yang berkualiti, selamat dan selesa kepada pengguna lebuh raya.
- ii. Prestasi keseluruhan pengurusan kewangan LLM menunjukkan peningkatan daripada tahap Memuaskan iaitu 69.72% pada tahun 2011 kepada tahap Sangat Baik iaitu 96.88% pada tahun 2014. Pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak 53.7% iaitu daripada 46.3% pada tahun 2011 kepada 100% pada tahun 2014. Ini disebabkan LLM telah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
  - Menguruskan akaun amanah selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa dan menutup akaun amanah yang tidak aktif.
  - Mendokumentkan pinjaman kenderaan, pinjaman komputer dan pendahuluan pelbagai dengan lengkap dan kemas kini.
  - Menguruskan deposit dengan baik melalui penyelenggaraan lejar am deposit dan lejar subsidiari yang lengkap serta tiada deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan yang perlu diwartakan.
- iii. Selain itu, peningkatan daripada 57.9% pada tahun 2011 kepada 99.9% dalam tahun 2014 bagi pengurusan aset dan stor adalah disebabkan oleh penambahbaikan seperti berikut:
  - Penerimaan aset dibuat oleh Pegawai Penerima yang dilantik.

- Aset disimpan di tempat yang selamat dan dikawal rapi.
  - Penggunaan minyak Kenderaan Khas Pegawai adalah mengikut kelulusan bertulis Ketua Pengarah.
  - Penyenggaraan aset dibuat mengikut perancangan yang disediakan melalui Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan (KEW.PA-13) dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).
  - Pelupusan dibuat selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.
- iv. Peningkatan sebanyak 32.9% dalam pengurusan pelaburan dan pinjaman daripada 65.9% kepada 98.8% pula adalah disebabkan oleh penambahbaikan seperti berikut:
- Pelaburan dibuat mengikut polisi dan prosedur yang disediakan.
  - Pelaburan dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa, diakaunkan dengan lengkap dan kemas kini.
  - Rekod pinjaman disediakan dengan lengkap, teratur dan kemas kini.

Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.3 : TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**



Sumber: Jabatan Audit Negara

### b. Lembaga Lada Malaysia


- i. Lembaga Lada Malaysia (MPB) ditubuhkan pada 1 Januari 2007 di bawah Akta Lembaga Lada Malaysia 2006 (Akta 656) dan dikawal selia oleh Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi. Objektif utama

penubuhannya adalah untuk menggalakkan penanaman lada, membangun dan menggalakkan industri lada serta menggalakkan penyelidikan, keluaran dan industri lada. Fungsi utama MPB adalah untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan bagi memastikan pertumbuhan dan daya maju industri lada Malaysia.

- ii. Prestasi keseluruhan pengurusan kewangan MPB pada tahun 2014 meningkat sebanyak 6.44% iaitu daripada 86% pada tahun 2011 kepada 92.44% pada tahun 2014. Peningkatan paling ketara ialah pada kawalan terimaan sebanyak 27.3% iaitu daripada 58.7% pada tahun 2011 kepada 86% pada tahun 2014. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan oleh MPB adalah seperti berikut:
  - Notis kepada orang awam untuk meminta resit telah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
  - Resit dikeluarkan dengan segera bagi semua kutipan.
  - Pungutan dimasukkan ke bank dengan segera dan pegawai bertanggungjawab menyemak slip bayar masuk bank selepas kemasukan ke bank bagi menentukan jumlah sebenar telah dibankkan.
  - Penyata Penyesuaian Bank disediakan setiap bulan mengikut tempoh ditetapkan.
- iii. Pengurusan pelaburan dan pinjaman MPB menunjukkan peningkatan sebanyak 16.7% iaitu daripada 83.3% pada tahun 2011 kepada 100% pada tahun 2014. Peningkatan ini adalah disebabkan MPB telah menyediakan laporan berkala terhadap pelaburan yang dilaksanakan bagi tujuan pemantauan. Selain itu, pengurusan aset dan stor MPB juga menunjukkan peningkatan sebanyak 15.4% iaitu daripada 77.4% pada tahun 2011 kepada 92.8% pada tahun 2014 yang melibatkan penambahbaikan seperti berikut:
  - Hasil mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.
  - Unit Pengurusan Aset telah menyelaras penyediaan Laporan Tahunan Pengurusan Aset Alih dan Pengurusan Stor dan laporan tersebut telah dikemukakan kepada kementerian dalam tempoh yang ditetapkan.
  - Pelantikan Pegawai Penerima yang bertanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan penerimaan aset.
  - Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
  - Aset telah dilabel dengan nombor siri pendaftaran serta kawalan pergerakan aset diwujudkan.

Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.4 : TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA LADA MALAYSIA**




Sumber: Jabatan Audit Negara

### c. Lembaga Pembangunan Langkawi

- i. Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah ditubuhkan pada 1 April 1990 tertakluk kepada Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423) dan diletakkan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Objektif penubuhan LADA adalah untuk menerajui pembangunan sosioekonomi, infrastruktur dan pembangunan produk pelancongan serta mempromosikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa. Fungsi LADA termaktub dalam Akta 423 antaranya adalah menggalak, menggiat, mempercepat dan melaksanakan pembangunan sosioekonomi di kawasan LADA, menggalak dan memajukan kawasan LADA sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai serta menyelaras prestasi aktiviti pembangunan di kawasan LADA.
- ii. Prestasi keseluruhan pengurusan kewangan LADA menunjukkan peningkatan sebanyak 6.26% daripada 84.99% pada tahun 2011 kepada 91.25% pada tahun 2014. Pengurusan aset dan stor menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak 35.5% iaitu daripada 59.3% pada tahun 2011 kepada 94.8% pada tahun 2014. Ini disebabkan LADA telah membuat pelantikan Pegawai Penerima Aset dan pegawai bertauliah bagi memeriksa aset, di samping menyediakan program penyenggaraan dan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan (KEW.PA-13). Selain itu, peningkatan dalam kawalan terimaan sebanyak 17.3% daripada 77.7% kepada 95%

adalah disebabkan penambahbaikan dalam tempoh perekodan resit rasmi ke dalam buku tunai elektronik dan semakan telah dibuat setiap hari terhadap buku tunai elektronik dengan resit. Kemasukan pungutan ke bank juga telah dicatatkan dalam buku tunai elektronik pada hari yang sama. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.5 : TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**



Sumber: Jabatan Audit Negara

#### d. Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang

- Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) ditubuhkan pada 1 Jun 1983 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 (Akta 282) dan diletakkan di bawah Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Fungsi utama PERDA adalah memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan ekonomi, sosial, pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan perdagangan serta mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti tersebut dalam kawasan PERDA. Selaras dengan objektif penubuhannya, PERDA menetapkan misi untuk menjadi agensi yang menggerakkan pembangunan masyarakat setempat menerusi pelaksanaan dan pengurusan program atau projek sosioekonomi yang berkesan melalui tadbir urus yang baik.
- Prestasi keseluruhan pengurusan kewangan PERDA pada tahun 2014 meningkat sebanyak 8.17% iaitu daripada 83.06% pada tahun 2011 kepada 91.23% pada tahun 2014. Peningkatan paling ketara ialah pada pengurusan aset dan stor iaitu sebanyak 39.5% daripada 46.2% pada tahun 2011 kepada

85.7% pada tahun 2014. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan terhadap pengurusan aset dan stor adalah seperti berikut:

- Melantik Pegawai Penerima yang bertanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh.
  - Aset telah diberi tanda pengenal dengan cara melabel tanda Hak Milik PERDA dan setiap aset mempunyai nombor siri.
  - Menyelenggara Daftar Pergerakan Harta Modal (KEW.PA-6).
  - Pemeriksaan aset dan stor telah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Selain itu, Laporan Pemeriksa Harta Modal, Laporan Pemeriksaan Inventori, Laporan Pemeriksaan Stor, Laporan Tahunan Keseluruhan Pengurusan Stor dan Penyata Pelarasan Stok telah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Pengurus Besar.
  - Penyata Pembelian/Penyata Kad Inden telah disemak dengan salinan resit serta disahkan oleh pemegang kad sebelum bayaran dilakukan.
- iii. Selain itu, kawalan bajet PERDA juga menunjukkan peningkatan sebanyak 30% iaitu daripada 70% pada tahun 2011 kepada 100% pada tahun 2014. Penambahbaikan yang dilaksanakan terhadap kawalan bajet adalah setiap pindah peruntukan atau viremen telah mendapat kelulusan daripada Pengurus Besar dan pemantauan prestasi perbelanjaan dilakukan melalui mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.6 : TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG**




Sumber: Jabatan Audit Negara

### e. Lembaga Koko Malaysia

- i. Lembaga Koko Malaysia (KOKO) telah ditubuhkan pada tahun 1988 di bawah Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan, Akta 343) dan dikawal selia oleh Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi. Objektif utama penubuhannya adalah untuk membangunkan industri koko Malaysia yang bersepadu dan kompetitif di pasaran global. Penekanan diberikan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan dalam pengeluaran biji koko dan peningkatan aktiviti hiliran. Fungsi utama KOKO adalah untuk menjalankan dan menggalakkan penyelidikan serta pembangunan dalam pengeluaran, pemprosesan, penstoran dan penggunaan koko serta produk berasaskan koko. Selain itu, fungsi KOKO adalah untuk mengawal, menyelaras aktiviti pemasaran dan penyelidikan serta mempertingkatkan kualiti dalam pengeluaran biji koko.
- ii. Prestasi keseluruhan pengurusan kewangan KOKO adalah Sangat Baik iaitu 91.13% pada tahun 2014 berbanding prestasi tahap Baik iaitu 74.98% pada tahun 2011 iaitu peningkatan sebanyak 16.15%. Pengurusan aset dan stor, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan kawalan bajet telah menunjukkan peningkatan prestasi yang ketara pada tahun 2014 berbanding tahun 2011. Pengurusan aset dan stor telah meningkat sebanyak 26.7% iaitu 86.4% pada tahun 2014 berbanding tahun 2011 yang hanya mencapai 59.7%. Antara penambahbaikan terhadap pengurusan aset dan stor adalah seperti berikut:
  - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih telah membincangkan perkara mengikut agenda yang ditetapkan.
  - Buku log kenderaan telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
  - Program penyenggaraan aset disediakan.
  - Lembaga Pemeriksa Aset telah dilantik oleh Ketua Pengarah.
  - Kehilangan harta awam telah dilapor kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam.
  - Laporan Awal kehilangan telah disediakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- iii. Prestasi pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah telah meningkat daripada 66.5% pada tahun 2011 kepada 83.6% pada tahun 2014 kerana KOKO telah membuat penambahbaikan dengan menyelenggara daftar pinjaman kenderaan dan komputer dengan lengkap, kelulusan pinjaman komputer telah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan dan lejar am deposit telah diselenggara dengan lengkap. KOKO juga telah mematuhi

sebanyak 91.7% peraturan berkaitan kawalan bajet berbanding 73.3% pada tahun 2011 iaitu peningkatan sebanyak 18.4% bagi memastikan bajet diuruskan dengan cekap dan berhemat supaya aktiviti dilaksanakan dengan lancar seperti yang dirancang. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.7 : TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA**




Sumber: Jabatan Audit Negara

7.4.1.5 Prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2014 menunjukkan perubahan yang ketara berbanding pengauditan yang dilaksanakan pada tahun 2011 (kecuali LKTN yang pertama kali diberi penarafan) iaitu:

- Sebanyak 17 BBP menunjukkan peningkatan prestasi iaitu 0.8% hingga 27.2%.
- Sebanyak 16 BBP menunjukkan penurunan prestasi iaitu di antara 0.8 % hingga 20%.


Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.8 : PENINGKATAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014 BERBANDING 2011**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**CARTA 7.9 : PENURUNAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014 BERBANDING 2011**




Sumber: Jabatan Audit Negara

## 7.4.2 Prestasi Badan Berkanun Persekutuan Mengikut Kawalan

7.4.2.1 Analisis Audit terhadap aspek utama pengurusan kewangan merangkumi kawalan pengurusan, bajet, terimaan dan perbelanjaan telah menunjukkan pencapaian yang baik oleh BBP pada tahun 2014. Sebanyak 19 BBP mencapai tahap Sangat Baik untuk kawalan pengurusan, 28 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam kawalan bajet, 18 BBP untuk kawalan terimaan dan 17 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam kawalan perbelanjaan. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:


**CARTA 7.10 : PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN, BAJET, TERIMAAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2014**



Sumber: Jabatan Audit Negara

7.4.2.2 Analisis Audit terhadap pengurusan akaun amanah/kumpulan amanah dan deposit, aset dan stor, pelaburan dan pinjaman serta penyerahan penyata kewangan mendapat 8 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam pengurusan akaun amanah/kumpulan amanah dan deposit, 13 BBP mendapat tahap Sangat Baik dalam pengurusan aset dan stor, 24 BBP dalam pengurusan pelaburan dan pinjaman dan 12 BBP dalam pengurusan terhadap penyata kewangan. Selain itu, 2 BBP berada pada tahap Tidak Memuaskan bagi pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit serta aset dan stor. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.11 : PRESTASI PENGURUSAN AMANAH, ASET DAN STOR, PELABURAN DAN PINJAMAN SERTA PENYATA KEWANGAN TAHUN 2014**




Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 7.4.3 Analisis Terperinci Prestasi Badan Berkanun Persekutuan

Analisis terperinci terhadap kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor, pengurusan pelaburan dan pinjaman dan penyerahan penyata kewangan di BBP yang diaudit menunjukkan kedudukan seperti berikut:

##### a. Kawalan Pengurusan


- Aspek utama yang dinilai bagi kawalan pengurusan adalah struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Jawatankuasa Kewangan dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia. Analisis menunjukkan 19 BBP atau 55.9% berada di tahap prestasi yang Sangat Baik, 11 BBP atau 32.3% menunjukkan prestasi Baik manakala 4 BBP atau 11.8% menunjukkan prestasi Memuaskan. Prestasi keseluruhan bagi kawalan pengurusan BBP adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.12 : PRESTASI KAWALAN PENGURUSAN**

Sangat Baik	Baik	Memuaskan
1. PERDA 2. KEJORA 3. LPP 4. MARDI 5. SSM 6. MPOB 7. LLM 8. MPB 9. LADA 10. MARA 11. KESEDAR 12. LP BINTULU 13. MADA 14. LKIM 15. PTPK 16. SPPP 17. KRAFTANGAN 18. LPPM 19. LP KELANG	1. NANAS 2. KOKO 3. DBP 4. LKTN 5. CIDB 6. LP KUANTAN	1. KEDA 2. FAMA 3. ST 4. PERNAMA

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah kawalan pengurusan menunjukkan sebanyak 25 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam struktur organisasi dan diikuti sebanyak 16 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam sistem dan prosedur. Selain itu, 20 BBP pula mendapat tahap Sangat Baik dalam Jawatankuasa Kewangan dan Unit Audit Dalam (UAD) manakala 26 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam pengurusan sumber manusia. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.13 : PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN PENGURUSAN**


Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang diperhatikan di bawah kawalan pengurusan adalah pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan tidak diberi kuasa secara bertulis, pembahagian/pengasingan tugas tidak diwujudkan, peraturan kewangan dan perakaunan tidak dikemas kini dan pemeriksaan mengejut tidak dijalankan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

#### b. Kawalan Bajet

- i. Aspek utama yang dinilai di bawah kawalan bajet adalah penyediaan bajet, kelulusan viremen/pindah peruntukan/tambahan peruntukan dan pemantauan kemajuan/prestasi perbelanjaan. Analisis menunjukkan 28 BBP atau 82.4% berada pada tahap Sangat Baik, 5 BBP atau 14.7% menunjukkan prestasi pada tahap Baik dan 1 BBP atau 2.9% menunjukkan prestasi yang Memuaskan. Prestasi keseluruhan kawalan bajet yang diaudit adalah seperti carta berikut:


**CARTA 7.14 : PRESTASI KAWALAN BAJET**



Sangat Baik	Baik	Memuaskan
1. DBP 2. MARDI 3. KEJORA 4. KESEDAR 5. KADA 6. KETENGAH 7. PERDA 8. MPB 9. LLM 10. MPOB 11. LP BINTULU 12. LP KELANG 13. LP KUANTAN 14. LPPKN 15. LPP 16. PPHM 17. PERNAMA 18. PTPK 19. SPPP 20. MADA 21. MARA 22. LPPM 23. SSM 24. LKIM 25. KEDA 26. KOKO 27. LP JOHOR 28. LADA	1. FAMA 2. KRAFTANGAN 3. LKTN 4. NANAS 5. CIDB	1. ST

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah kawalan bajet menunjukkan 25 BBP yang diaudit mendapat tahap Sangat Baik bagi penyediaan bajet, 23 BBP mendapat tahap Sangat Baik bagi kelulusan viremen/pindah/tambahan peruntukan dan 23 BBP mendapat tahap Sangat Baik bagi pemantauan kemajuan/prestasi perbelanjaan. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:


**CARTA 7.15 : PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN BAJET**

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan utama di bawah kawalan bajet ialah cadangan belanjawan tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah, pindah peruntukan tidak diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis. Selain itu, terdapat pindah peruntukan yang tidak dikemas kini dalam Buku Vot menyebabkan peruntukan tersebut tidak menggambarkan kedudukan yang tepat semasa semakan dibuat.

### c. Kawalan Terimaan

- i. Aspek utama yang dinilai dalam kawalan terimaan adalah pengurusan borang hasil, peraturan penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan dan pemantauan terhadap penghutang. Analisis menunjukkan 18 BPP atau 52.9% menunjukkan prestasi yang Sangat Baik manakala 15 BPP atau 44.1% menunjukkan prestasi yang Baik dan 1 BPP atau 3% berada pada tahap yang Memuaskan. Prestasi keseluruhan kawalan terimaan agensi adalah seperti carta berikut:


**CARTA 7.16 : PRESTASI KAWALAN TERIMAAN**

Sangat Baik	Baik	Memuaskan
1. LLM 2. LKTN 3. PTPK 4. LP KUANTAN 5. LP BINTULU 6. KETENGAH 7. KEJORA 8. LP KELANG 9. DBP	10. MARDI 11. LADA 12. SSM 13. PERDA 14. CIDB 15. LPPM 16. KOKO 17. LP JOHOR 18. MADA	1. KRAFTANGAN 2. KESEDAR 3. LPP 4. KEDA 5. MPB 6. KADA 7. PPHM 8. ST

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah kawalan terimaan menunjukkan lebih 50% BBP mendapat tahap Sangat Baik dalam kawalan pengurusan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, perakaunan terimaan/hasil dan kawalan penghutang. Selain itu, 3 BBP mendapat tahap Tidak Memuaskan bagi perakaunan terimaan/hasil dan hanya 1 BBP mendapat tahap Tidak Memuaskan bagi penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank dan kawalan penghutang. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

CARTA 7.17 : PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan utama di bawah kawalan terimaan adalah seperti berikut:


- Borang Hasil yang diterima tidak disemak dan diperakui betul tentang ketepatan nombor siri di setiap helaian pertama buku resit.
- Pungutan tidak dimasukkan ke bank dengan segera.

- Tiada bukti semakan oleh pegawai bertanggungjawab menyemak slip bayar masuk bank selepas kemasukan ke bank bagi menentukan jumlah sebenar telah dibankkan.
- Daftar Mel tidak diperiksa dan disemak setiap hari dengan Buku Tunai oleh Pegawai Penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas.
- Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan setiap bulan mengikut tempoh ditetapkan.

#### d. Kawalan Perbelanjaan

- i. Aspek utama yang dinilai di bawah kawalan perbelanjaan adalah kawalan perakaunan perbelanjaan, pengurusan perolehan dan pengurusan pembayaran. Analisis menunjukkan 17 BBP atau 50% pada tahap prestasi yang Sangat Baik, 16 BBP atau 47% menunjukkan prestasi pada tahap Baik dan 1 BBP atau 3% pada tahap memuaskan. Prestasi keseluruhan kawalan perbelanjaan di BBP adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.18 : PRESTASI KAWALAN PERBELANJAAN**




Sangat Baik	Baik	Memuaskan		
1. MARDI 2. KEJORA 3. PERDA 4. LLM 5. PTPK 6. MPB 7. DBP 8. KOKO 9. KRAFTANGAN	10. LPPM 11. LKIM 12. LP BINTULU 13. LP JOHOR 14. MARA 15. LPP 16. MADA 17. LKTN	1. KADA 2. SPPP 3. KETENGAH 4. ST 5. KESEDAR 6. PPHM 7. LP KELANG 8. NANAS	9. MPOB 10. LADA 11. LP KUANTAN 12. KEDA 13. LPPKN 14. SSM 15. FAMA 16. CIDB	1. PERNAMA

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah kawalan perbelanjaan mendapat 14 BBP mendapat tahap Sangat Baik dalam perakaunan perbelanjaan manakala 18 BBP mendapat tahap Sangat Baik dalam pengurusan perolehan dan 24 BBP mendapat tahap Sangat Baik dalam pengurusan pembayaran. Selain itu, satu BBP mendapat tahap Tidak Memuaskan bagi perakaunan perbelanjaan dan pengurusan perolehan. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

CARTA 7.19 : PRESTASI MENGIKUT ELEMEN KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Antara kelemahan utama di bawah kawalan perbelanjaan adalah seperti berikut:


- Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dan pelarasan tidak dibuat terhadap item yang tidak disesuaikan.
- Daftar Bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Tanggungan dan perbelanjaan tidak dicatat dengan betul dalam Buku Vot.
- Pesanan pembelian tidak dicatat dengan lengkap.
- Pesanan pembelian diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.
- Perolehan pembelian terus melebihi had yang dibenarkan.
- Kajian pasaran tidak dilaksanakan untuk memastikan harga yang ditawarkan adalah berpatutan.
- Baucar tidak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa.
- Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan asal, lengkap dan sempurna.

#### e. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

- i. Pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit hendaklah dibuat oleh BBP mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod individu perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Analisis menunjukkan sebanyak 8 BBP atau 23.5% pada tahap prestasi yang Sangat Baik, 16 BBP atau 47.1% menunjukkan prestasi yang

Baik, 8 BBP atau 23.5% menunjukkan prestasi yang Memuaskan dan 2 BBP atau 5.9% berada pada tahap Tidak Memuaskan. Prestasi keseluruhan pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.20 : PRESTASI PENGURUSAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT**




Sangat Baik	Baik	Memuaskan	Tidak Memuaskan	
1. LLM 2. PTPK 3. KADA 4. DBP 5. LPP 6. PERDA 7. LADA 8. KEDA	1. LPPKN 2. KRAFTANGAN 3. SPP 4. KETENGAH 5. LKIM 6. KEJORA 7. MPOB 8. KOKO	9. CIDB 10. MARDI 11. NANAS 12. MADA 13. SSM 14. LP KUANTAN 15. PERNAMA 16. LPPM	1. LP BINTULU 2. MPB 3. MARA 4. LP JOHOR 5. FAMA 6. KESEDAR 7. ST 8. LKTN	1. LP KELANG 2. PPHM

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit menunjukkan 3 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam pengurusan akaun amanah manakala 4 BBP mencapai tahap Sangat Baik dalam pengurusan kumpulan wang pinjaman dan sebanyak 17 BBP berada pada tahap Sangat Baik dalam pengurusan akaun deposit. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.21 : PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT**




Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Antara kelemahan yang diperhatikan di bawah kawalan pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit ialah:

- Pengurusan kumpulan wang pinjaman adalah Tidak Memuaskan kerana daftar pendahuluan diri tidak diselenggarakan dengan lengkap, bayaran balik dan penyelarasannya tidak dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan serta penalti tidak dikenakan bagi bayaran yang lewat dijelaskan.
- Pengurusan akaun deposit adalah Tidak Memuaskan kerana lejar am deposit tidak diselenggarakan dengan lengkap, lejar subsidiari tidak diselenggarakan walaupun terdapat banyak deposit yang sama jenisnya, deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit tidak diwartakan.

#### f. Pengurusan Aset Dan Stor


- i. Aspek utama yang dinilai di bawah kawalan pengurusan aset dan stor adalah keberkesanan Jawatankuasa Pengurusan Aset, peraturan penerimaan aset, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyenggaraan, prosedur pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset. Analisis menunjukkan 13 BBP atau 38.2% pada tahap prestasi yang Sangat Baik manakala 12 BBP atau 35.3% menunjukkan prestasi Baik dan 7 BBP atau 20.6% berada pada tahap yang Memuaskan serta 2 BBP atau 5.9% berada pada tahap yang Tidak Memuaskan. Prestasi keseluruhan pengurusan aset dan stor adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.22 : PRESTASI PENGURUSAN ASET DAN STOR**

Sangat Baik	Baik	Memuaskan	Tidak Memuaskan		
1. LLM 2. KEDA 3. PTPK 4. SPPP 5. LADA 6. LPPKN 7. LP KUANTAN	8. KEJORA 9. SSM 10. LP JOHOR 11. MPB 12. LKTN 13. KESEDAR	1. MARDI 2. KRAFTANGAN 3. MPOB 4. KOKO 5. PERDA 6. LP BINTULU	7. ST 8. MARA 9. LP KELANG 10. KADA 11. NANAS 12. PPHM	1. LPP 2. CIDB 3. MADA 4. LKIM 5. PERNAMA 6. DBP 7. KETENGAH	1. FAMA 2. LPPM

Sumber: Jabatan Audit Negara


- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah pengurusan aset dan stor menunjukkan sebanyak 20 BBP mencapai tahap Sangat Baik bagi kawalan umum dan 22 BBP mencapai tahap Sangat Baik bagi pengurusan penerimaan aset. Selain itu, sebanyak 14 BBP mendapat Sangat Baik bagi pendaftaran aset dan 12 BBP mencapai tahap Sangat Baik bagi penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.23 : PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN ASET DAN STOR**

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Selain itu, prestasi pengurusan aset dan stor bagi elemen kehilangan dan hapus kira menunjukkan peratusan yang rendah iaitu hanya 4 BBP mencapai tahap Sangat Baik. Bagaimanapun, 16 BBP mencapai tahap Sangat Baik bagi pelupusan aset dan 17 BBP dalam penyenggaraan aset. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

CARTA 7.24 : PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Pengurusan aset dan stor merupakan elemen kawalan yang paling lemah dalam pengurusan kewangan di BBP. Antara kelemahan yang diperhatikan dibawah pengurusan aset dan stor adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak ditubuhkan, laporan berkaitan pengurusan aset tidak disediakan dan tidak dikemukakan kepada kementerian mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, tiada pelantikan pegawai penerima aset dibuat.
- Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3) tidak diselenggarakan dengan lengkap. Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) tidak disediakan dan Kad Kawalan Stok [KEW.PS-3 (Stor Pusat dan Stor Utama)] dan Kad Petak [KEW.PS-4 (Stor Pusat, Stor Utama dan Stor Unit)] juga tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- Pemeriksaan aset tidak dilaksanakan mengikut peraturan, Pegawai Pemeriksa Aset dan Stok tidak dilantik secara bertulis dan Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) dan Laporan Pemeriksaan Inventori (KEW.PA-11) serta Laporan Pemeriksaan (KEW.PS-14) tidak


disediakan. Selain itu, Pegawai Pemverifikasi Stok juga tidak dilantik dan verifikasi stok tidak dilaksanakan.

- Fail Sejarah dan Buku Log Kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden juga tidak dikemas kini dengan lengkap dan Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan.
- Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan (KEW.PA-13) dan program penyenggaraan tidak disediakan oleh agensi. Selain itu, penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkod dengan lengkap dan kemas kini dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14).
- Pelupusan aset tidak dilaksana dengan teratur seperti tindakan pelupusan masih belum diambil walaupun permohonan pelupusan telah diluluskan dan jadual pemeriksaan aset yang hendak dilupuskan tidak disediakan. Selain itu, Laporan Lembaga Pemeriksa (KEW.PA-17) tidak disediakan dan pelupusan tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan Sijil Pelupusan Aset (KEW.PA-19) tidak disediakan.
- Kehilangan dan hapus kira tidak diurus dengan teratur di mana kehilangan aset tidak dilaporkan kepada Ketua Agensi dengan serta merta dan Laporan Polis tidak dibuat dalam tempoh 24 jam. Selain itu, Laporan Awal Kehilangan (KEW.PA-28) tidak disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan bagi tindakan susulan. Jawatankuasa Penyiasat juga lewat ditubuhkan bagi menyiasat kes kehilangan. Di samping itu, Laporan Akhir (KEW.PA-30/Lampiran K) tidak disediakan dan tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus dalam tempoh yang ditetapkan.

#### **g. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman**

- i. Aspek utama yang dinilai di bawah pengurusan pelaburan dan pinjaman adalah pengurusan pelaburan dan pengurusan pinjaman. Analisis menunjukkan 24 BBP atau 70.7% berada pada tahap Sangat Baik, 8 BBP atau 23.5% menunjukkan prestasi pada tahap Baik dan satu BBP atau 2.9% menunjukkan prestasi yang Tidak Memuaskan. Selain itu, terdapat satu BBP atau 2.9% yang Tidak Berkennaan bagi pengurusan pelaburan dan pinjaman. Prestasi keseluruhan pengurusan pelaburan dan pinjaman adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.25 : PRESTASI PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN**




Sangat Baik	Baik	Tidak Memuaskan	Tidak Berkenaan
1. MARDI 2. LKIM 3. KEJORA 4. MADA 5. KETENGAH 6. PERDA 7. MPB 8. MPOB 9. LP JOHOR 10. LP KELANG 11. LP KUANTAN 12. LADA 13. LPPM 14. NANAS 15. KRAFTANGAN 16. SSM 17. ST 18. DBP 19. LLM 20. KOKO 21. MARA 22. LPP 23. PERNAMA 24. LKTN	1. SPPP 2. KESEDAR 3. PPHM 4. CIDB 5. FAMA 6. LPPKN 7. PTPK 8. KEDA	1. LP BINTULU	1. KADA

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Prestasi mengikut elemen di bawah pengurusan pelaburan dan pinjaman menunjukkan sebanyak 26 BBP mendapat tahap Sangat Baik bagi pengurusan pelaburan dan 8 BBP mendapat tahap Sangat Baik bagi pengurusan pinjaman seperti carta berikut:

**CARTA 7.26 : PRESTASI MENGIKUT ELEMEN PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN**




Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan utama di bawah pengurusan pelaburan dan pinjaman ialah polisi dan prosedur berkaitan pelaburan tidak disediakan, surat penurunan kuasa tidak menetapkan had pelaburan, laporan Jawatankuasa Pelaburan tidak dilaporkan kepada Lembaga Pengarah Agensi, rekod pinjaman tidak lengkap, teratur dan kemas kini, mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman tidak diwujudkan dan tiada tindakan diambil terhadap peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik.

#### **h. Kawalan Penyata Kewangan**

- i. Aspek utama yang dinilai di bawah kawalan penyata kewangan adalah penyerahan penyata kewangan mengikut tempoh yang ditetapkan; mendapat Laporan Ketua Audit Negara Tanpa Teguran; penyata kewangan yang dikemukakan tidak mempunyai kesilapan pengiraan, ejaan dan angka; penyerahan penyata kewangan yang lengkap; penyata kewangan selepas diaudit dan isu mengenainya dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah; penyata kewangan sebelum diaudit dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah; liabiliti semasa tidak melebihi aset semasa; Laporan Ketua Audit Negara ditandatangani sebelum 30 Ogos dan penyerahan Laporan Tahunan ke kementerian selewat-lewatnya pada 30 September.
- ii. Analisis menunjukkan 8 BBP atau 23.5% menunjukkan prestasi pada tahap Sangat Baik, 22 BBP atau 64.7% menunjukkan prestasi pada tahap Baik dan 4 BBP atau 11.8% menunjukkan prestasi yang memuaskan. Prestasi keseluruhan kawalan penyata kewangan bagi 34 BBP yang diaudit adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.27 : PRESTASI KAWALAN PENYATA KEWANGAN**



Sangat Baik	Baik	Memuaskan		
1. LKTN 2. MPB 3. PPHM 4. KOKO 5. PERNAMA 6. LADA 7. LPP 8. LLM	1. LP KELANG 2. NANAS 3. SSM 4. LP KUANTAN 5. KADA 6. MPOB 7. CIDB 8. KEDA	9. LP JOHOR 10. ST 11. PERDA 12. DBP 13. LPPM 14. KESEDAR 15. MADA 16. LP BINTULU	17. FAMA 18. KRAFTANGAN 19. MARDI 20. SPPP 21. LKIM 22. MARA	1. PTPK 2. LPPKN 3. KETENGAH 4. KEJORA

Sumber: Jabatan Audit Negara


- iii. Antara kelemahan utama di bawah kawalan penyata kewangan ialah BBP yang diaudit telah menerima Laporan Ketua Audit Negara Berteguran dan penyata kewangan yang dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara mempunyai kesilapan seperti pengiraan, ejaan dan angka. Selain itu, penyata kewangan tersebut tidak dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk makluman dan penyerahan Laporan Tahunan ke kementerian didapati tidak dibuat selaras dengan peraturan iaitu perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 30 September setiap tahun.

#### 7.4.4 Prestasi Pengurusan Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

7.4.4.1 Pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan di 12 pejabat negeri Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan memberi tumpuan terhadap 6 elemen kawalan iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah serta pengurusan aset dan stor. Pejabat CIDB Negeri Perlis mula beroperasi pada bulan Mei 2014 dan sehingga tarikh pengauditan, pejabat tersebut baru 6 bulan beroperasi. Pejabat CIDB Negeri Sembilan baru sahaja beroperasi pada 15 Disember 2014 dan tidak termasuk dalam skop pengauditan.

7.4.4.2 Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2014 di 9 pejabat CIDB negeri berada pada tahap Baik dan 3 pada tahap Memuaskan. Analisis prestasi keseluruhan pejabat negeri CIDB adalah seperti carta berikut:

**CARTA 7.28 : PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA DI 12 NEGERI BAGI TAHUN 2014**



Sumber: Jabatan Audit Negara

7.4.4.3 Analisis Audit terhadap kawalan pengurusan di 12 pejabat CIDB negeri mendapati kesemuanya berada di tahap Baik. Kawalan bajet bagi 8 pejabat CIDB negeri adalah pada tahap Sangat Baik, 2 pejabat di tahap Baik dan satu pejabat iaitu CIDB Sarawak berada di tahap Memuaskan manakala CIDB Perlis Tidak Berkaitan kerana mula beroperasi pada bulan Mei 2014. Kawalan terimaan yang diuruskan oleh pejabat CIDB negeri menunjukkan prestasi kutipan hasil berada di tahap Sangat Baik bagi 8 pejabat CIDB negeri dan tahap Baik di 4 pejabat CIDB negeri.

7.4.4.4 Analisis bagi kawalan perbelanjaan menunjukkan 3 pejabat CIDB negeri mempunyai pencapaian Sangat Baik, 7 pejabat di tahap Baik dan 2 pejabat berada pada tahap Memuaskan. Pengurusan wang amanah hanya melibatkan 7 pejabat iaitu 2 pejabat berada di tahap Sangat Baik, 1 pejabat di tahap Baik, 3 pejabat di tahap Memuaskan dan 1 pejabat iaitu CIDB Melaka berada di tahap Tidak Memuaskan. Bagaimanapun, bagi kawalan pengurusan aset dan stor, hanya 2 pejabat negeri berada pada tahap Baik, 7 pejabat berada pada tahap Memuaskan manakala 3 lagi pejabat iaitu CIDB Johor, Perlis dan Sarawak menunjukkan tahap prestasi Tidak Memuaskan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.4 : TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT KAWALAN DI PEJABAT LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA UNTUK 12 NEGERI BAGI TAHUN 2014**

<b>PEJABAT NEGERI</b>	<b>TAHAP PRESTASI MENGIKUT KAWALAN</b>					
	<b>PENGURUSAN</b>	<b>BAJET</b>	<b>TERIMAAN</b>	<b>PERBELANJAAN</b>	<b>KUMPULAN WANG AMANAH</b>	<b>ASET DAN STOR</b>
Pulau Pinang	88.80	100.00	100.00	81.38	TB	74.41
Sabah	87.99	93.33	98.33	86.78	TB	71.90
Pahang	87.25	100.00	96.67	96.50	TB	55.12
Terengganu	73.16	100.00	85.74	87.46	100.00	58.40
Kelantan	72.84	100.00	96.94	92.06	66.67	58.37
Perlis	72.86	TB	98.89	98.12	TB	47.12
Kedah	82.76	100.00	91.92	83.86	56.66	54.46
Perak	70.28	100.00	87.10	80.66	TB	53.37
Selangor	74.85	80.00	90.62	66.28	85.19	53.37
Johor	76.76	70.00	85.13	65.82	100.00	48.01
Melaka	78.94	100.00	91.70	84.42	27.78	52.80
Sarawak	84.60	67.28	85.17	73.08	53.33	41.82
<b>Purata Tahap Prestasi Berdasarkan Kawalan</b>	<b>79.26</b>	<b>91.87</b>	<b>92.35</b>	<b>83.04</b>	<b>69.95</b>	<b>55.76</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

- |  |                    |  |                           |
|--|--------------------|--|---------------------------|
| <span style="background-color: #0070C0; width: 15px; height: 15px; display: inline-block;"></span> | <b>Sangat Baik</b> | <span style="background-color: #E63333; width: 15px; height: 15px; display: inline-block;"></span> | <b>Tidak Memuaskan</b>    |
| <span style="background-color: #009640; width: 15px; height: 15px; display: inline-block;"></span> | <b>Baik</b>        | <span style="background-color: #D9E1F2; width: 15px; height: 15px; display: inline-block;"></span> | <b>TB Tidak Berkenaan</b> |
| <span style="background-color: #FFCC00; width: 15px; height: 15px; display: inline-block;"></span> | <b>Memuaskan</b>   |  |                           |

**7.4.4.5** Prestasi pengurusan kumpulan wang amanah di 4 pejabat CIDB negeri yang tidak mencapai tahap Sangat Baik atau Baik adalah disebabkan perkara seperti berikut:

**JADUAL 7.5 : PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH DI PEJABAT LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (NEGERI)**

<b>CIDB NEGERI</b>	<b>PENEMUAN AUDIT</b>
Kedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Pendahuluan Diri dan Pelbagai tidak diasangkan.</li> <li>ii. Daftar Pendahuluan Diri tidak mempunyai maklumat rujukan fail, tarikh pendahuluan diluluskan, tarikh pergi dan balik dan tarikh tuntutan dikemukakan.</li> <li>iii. Pendahuluan diri berjumlah RM300 lewat dijelaskan selama 3 bulan oleh pegawai dan tiada penalti dikenakan.</li> <li>iv. Daftar Pendahuluan Pelbagai tidak mempunyai maklumat rujukan fail, tarikh aktiviti/program, tarikh mula/akhir aktiviti/program, tarikh kelulusan pendahuluan, nama pegawai yang bertanggungjawab terhadap pelarasian dan tarikh penyata perbelanjaan dikemukakan.</li> <li>v. Sebanyak 2 pendahuluan pelbagai berjumlah RM10,648 lewat diselesaikan antara 2 hingga 3 bulan.</li> </ul>
Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Pendahuluan Pelbagai tidak mempunyai maklumat pegawai yang bertanggungjawab terhadap pelarasian, tarikh aktiviti/program disempurnakan dan tarikh penyata perbelanjaan</li> </ul>

CIDB NEGERI	PENEMUAN AUDIT
	<p>dikemukakan.</p> <p>ii. Daftar Pendahuluan Pelbagai tidak dikemas kini kerana terdapat satu pendahuluan berjumlah RM3,789 telah diselesaikan tetapi status dalam daftar belum selesai.</p>
Melaka	<p>i. Daftar Pendahuluan Diri tidak diselenggara.</p> <p>ii. Sebanyak 6 pendahuluan diri lewat dibuat pelarasaran antara 1 hingga 24 bulan.</p> <p>iii. Baucar bayaran dikeluarkan selepas tarikh program.</p> <p>iv. Pendahuluan pelbagai yang diberi tidak menepati maksud pendahuluan pelbagai kerana pendahuluan diberi merupakan bayaran balik kepada pegawai yang mendahuluikan wang untuk makan/minum dan pembelian stok cenderahati.</p>
Sarawak	<p>i. Sebanyak 6 pendahuluan diri berjumlah RM4,000 lewat dibuat pelarasaran antara 4 hingga 34 hari dan tiada borang justifikasi kelewatan menghantar tuntutan dikemukakan.</p> <p>ii. Seorang pegawai yang belum menjelaskan pendahuluan diri terdahulu telah diberi pendahuluan diri yang lain.</p>

*Sumber: Jabatan Audit Negara*

**7.4.4.6** Prestasi pengurusan aset dan stor di 10 pejabat CIDB negeri yang tidak mencapai tahap Baik adalah disebabkan perkara seperti berikut:

**JADUAL 7.6 : PENGURUSAN ASET DAN STOR DI PEJABAT LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (NEGERI )**

CIDB NEGERI	PENEMUAN AUDIT
Johor	<p>i. Daftar Harta Modal dan Inventori menggunakan KEW.PA-2 dan KEW.PA-3 tidak diselenggara.</p> <p>ii. Senarai Daftar Harta Modal (KEW.PA-4) dan Senarai Daftar Inventori (KEW.PA-5) tidak diselenggara.</p> <p>iii. Aset tidak diberi tanda pengenal dan nombor siri pendaftaran.</p> <p>iv. Fail kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap kerana tiada salinan geran.</p> <p>v. Buku log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.</p> <p>vi. Semakan tidak dibuat antara resit pembelian minyak dengan penyata pembelian dan tiada pengesahan oleh pegawai kenderaan sebelum pembayaran dibuat.</p> <p>vii. Daftar penggunaan kad Touch 'n Go tidak diselenggara dengan lengkap.</p> <p>viii. Program penyenggaraan aset tidak disediakan.</p> <p>ix. Pengurusan kehilangan 2 komputer riba tidak teratur kerana laporan polis tidak dibuat dan tiada laporan kehilangan difaiklan.</p>
Kedah	<p>i. Daftar Harta Modal dan Inventori menggunakan KEW.PA-2 dan KEW.PA-4 tidak diselenggara.</p> <p>ii. Aset tidak digunakan sejak perolehan dibuat pada tahun 2012 iaitu Kiosk National e-Tendering Initiative.</p> <p>iii. Pemeriksaan aset tidak dijalankan.</p> <p>iv. Daftar penggunaan kad Touch 'n Go tidak diselenggara dengan lengkap.</p> <p>v. Program penyenggaraan aset tidak disediakan.</p> <p>vi. Tatacara dan kaedah pelupusan bagi 66 unit pelbagai aset tidak teratur.</p>
Kelantan/Pahang/ Perlis	<p>i. Daftar Harta Modal dan Inventori menggunakan KEW.PA-2 dan KEW.PA-3 tidak diselenggara.</p> <p>ii. Buku log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.</p> <p>iii. Rekod pergerakan kad inden minyak tidak disediakan.</p> <p>iv. Semakan tidak dibuat antara resit pembelian minyak dengan penyata pembelian dan tiada pengesahan oleh pegawai kenderaan sebelum pembayaran dibuat.</p> <p>v. Daftar penggunaan kad Touch 'n Go tidak disediakan.</p> <p>vi. Program penyenggaraan aset tidak disediakan.</p>
Melaka	<p>i. Penerimaan aset diperakui oleh pegawai yang tidak dilantik sebagai pegawai penerima aset.</p> <p>ii. Fail kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap kerana tiada salinan geran, insurans dan cukai jalan.</p> <p>iii. Buku log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.</p> <p>iv. Rekod pergerakan kad inden minyak tidak disediakan.</p> <p>v. Program penyenggaraan aset tidak disediakan.</p>

CIDB NEGERI	PENEMUAN AUDIT
Perak	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penerimaan bekalan pejabat diperakui oleh pegawai yang tidak dilantik sebagai pegawai penerima aset.</li> <li>ii. Pemeriksaan aset tidak dijalankan.</li> <li>iii. Buku log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.</li> <li>iv. Pembelian minyak tidak dapat disahkan dengan buku log kerana buku log tidak dikemas kini di bahagian pembelian bahan api.</li> <li>v. Daftar penggunaan kad Touch 'n Go tidak diselenggara dengan lengkap.</li> <li>vi. Program penyenggaraan aset tidak disediakan.</li> <li>vii. Tatacara pelupusan aset tidak teratur.</li> </ul>
Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Harta Modal dan Inventori menggunakan KEW.PA-2 dan KEW.PA-3 tidak diselenggara.</li> <li>ii. Senarai Daftar Harta Modal (KEW.PA-4) dan Senarai Daftar Inventori (KEW.PA-5) tidak diselenggara.</li> <li>iii. Perbezaan baki stok antara kad petak (KEW.PS-4) dengan Borang Pengesahan Bekalan Pejabat.</li> <li>iv. Pemeriksaan aset tidak dijalankan.</li> <li>v. Pegawai kenderaan tidak dilantik dan fail kenderaan tidak diselenggara.</li> <li>vi. Kenderaan dipandu oleh pegawai yang tidak diturunkan kuasa secara bertulis.</li> <li>vii. Buku log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.</li> <li>viii. Rekod pergerakan kad inden minyak tidak disediakan.</li> <li>ix. Semakan tidak dibuat antara resit pembelian minyak dengan penyata pembelian dan tiada pengesahan oleh pegawai kenderaan sebelum pembayaran dibuat.</li> <li>x. Program penyenggaraan aset tidak disediakan.</li> </ul>
Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Harta Modal dan Inventori menggunakan KEW.PA-2 dan KEW.PA-3 tidak diselenggara.</li> <li>ii. Daftar Pergerakan Aset ada diselenggara dan mendapati 4 aset tidak dipulangkan. Selain itu, tujuan pinjaman dan anggaran tempoh pinjaman tidak dinyatakan dalam daftar tersebut.</li> <li>iii. Borang Aduan Kerosakan (KEW.PA-9) tidak diselenggara sekiranya aset rosak. Pegawai hanya akan memaklumkan kepada Pegawai Aset.</li> <li>iv. Borang Penerimaan Bekalan Pejabat tidak diakui penerimaan oleh pemohon bagi pengeluaran 5 unit toner.</li> <li>v. Buku log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini di ruangan nama dan tandatangan pegawai yang memberi kuasa, kiraan kilometer/batu, pembelian bahan api dan cerakinan penggunaan bahan api.</li> <li>vi. Semakan tidak dibuat antara resit pembelian minyak dengan penyata pembelian dan tiada pengesahan oleh pegawai kenderaan sebelum pembayaran dibuat. Selain itu, penyata pembelian minyak bulan September hingga Disember tidak dikemukakan.</li> <li>vii. Daftar penggunaan kad Touch 'n Go tidak dikemas kini.</li> </ul>
Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Harta Modal dan Inventori menggunakan KEW.PA-2 dan KEW.PA-3 tidak diselenggara.</li> <li>ii. Semakan tidak dibuat antara resit pembelian minyak dengan penyata pembelian dan tiada pengesahan oleh pegawai kenderaan sebelum pembayaran dibuat.</li> <li>iii. Program penyenggaraan aset tidak disediakan.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 7.5 RUMUSAN DAN SYOR

7.5.1 Prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2014 menunjukkan sebanyak 5 BBP atau 14.7% berada pada tahap Sangat Baik, sebanyak 28 BBP atau 82.4% berada pada tahap Baik dan satu BBP atau 2.9% pada tahap Memuaskan. Oleh yang demikian, pada keseluruhannya tahap pengurusan kewangan di BBP yang diaudit pada tahun 2014 adalah pada tahap Baik kerana sebanyak 28 BBP atau 82.4% daripada 34 BBP yang dinilai berada pada tahap tersebut. Faktor ini disebabkan oleh kawalan dalaman yang baik dan pematuhan BBP terhadap peraturan yang berkuat kuasa dan undang-undang yang berkaitan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

7.5.2 Susulan itu, Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah BBP yang mendapat penarafan di tahap menurun berbanding tahun pengauditan sebelumnya perlu mengambil tindakan segera dengan mengenal pasti punca berlakunya kelemahan yang dibangkitkan dan bertindak dengan proaktif bagi mengatasi kelemahan yang dilaporkan. Ini disebabkan tahap pengurusan kewangan yang bertambah baik dari semasa ke semasa adalah penting bagi memastikan wujudnya pemantauan yang berkesan oleh pihak pengurusan.

7.5.3 Selain itu, bagi BBP yang menunjukkan peningkatan penarafan berbanding tahun pengauditan sebelumnya dikehendaki mengekalkan peningkatan prestasi tersebut supaya tahap pengurusan kewangannya kekal berada di tahap Sangat Baik.

**8****PENGAUDITAN MENGEJUT DI PEJABAT  
BANDAR BERKANUN PERSEKUTUAN DI NEGERI DAN DAERAH****8.1 LATAR BELAKANG**

8.1.1 Pengauditan mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

8.1.2 Pengauditan mengejut merupakan satu pendekatan audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak audit. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga yang disimpan oleh pejabat/agensi Kerajaan untuk menentukan sama ada ia mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta *standard operating procedures* yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

**8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan mengejut adalah untuk menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

**8.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

8.3.1 Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, setem/mesin *franking*, borang hasil yang dikawal, wang yang diterima untuk dibahagi-bahagikan, barang-barang berharga, sijil pelaburan, kad pintar bayaran, barang individu tahanan sementara dan barang sensitif/keselamatan bagi tahun 2014 di 172 pejabat di 49 Badan Berkanun Persekutuan. Tempoh menjalankan pengauditan mengejut adalah satu hari atau mengikut keperluan berdasarkan saiz audit.

8.3.2 Metodologi pengauditan mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam dan barang-barang berharga, analisis terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak audit, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan, pegawai keselamatan bertugas, keadaan/kandungan peti besi serta lawatan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor.

## 8.4 PENEMUAN AUDIT

8.4.1 Pada tahun 2014, pengauditan mengejut telah dilaksanakan di 172 pejabat di 49 Badan Berkanun Persekutuan seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.1 : PENGAUDITAN MENGEJUT DI 172 PEJABAT  
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	BILANGAN PEJABAT
1.	Bank Negara Malaysia (BNM)	1
2.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	2
3.	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	2
4.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	6
5.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	12
6.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	7
7.	Lembaga Getah Malaysia (LGM)	3
8.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)	3
9.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	3
10.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	1
11.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	2
12.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	4
13.	Lembaga Koko Malaysia (KOKO)	2
14.	Lembaga Lada Malaysia (MPB)	2
15.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	2
16.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	3
17.	Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM)	1
18.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	18
19.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	3
20.	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	3
21.	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	2
22.	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	1
23.	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	5
24.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	3
25.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	26
26.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	1
27.	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)	2
28.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	2
29.	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan)	7
30.	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	2

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	BILANGAN PEJABAT
31.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA)	1
32.	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp)	2
33.	Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)	8
34.	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	2
35.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	4
36.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	2
37.	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)	1
38.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	4
39.	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	2
40.	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)	2
41.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	1
42.	Suruhanjaya Tenaga (ST)	4
43.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	1
44.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	1
45.	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	1
46.	Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)	1
47.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)	1
48.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	1
49.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	2
<b>JUMLAH</b>		<b>172</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.4.2 Pengauditan mengejut yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya sejumlah 39 pejabat atau 22.7% daripada 172 pejabat tersebut telah mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama yang ditetapkan manakala sejumlah 133 pejabat atau 77.3% masih tidak mematuhi peraturan sepenuhnya seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.2 : KETIDAKPATUHAN PERATURAN DAN BILANGAN PEJABAT YANG TERLIBAT TAHUN 2014**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BILANGAN PEJABAT
1.	<b>WANG KUTIPAN</b>	
1.1	Wang kutipan tidak disimpan dengan selamat di dalam peti besi atau bilik kebal.	8
1.2	Wang kutipan lewat dibankkan.	8
1.3	Kutipan lewat direkod ke dalam Buku Tunai.	13
1.4	Pegawai bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut.	23

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BILANGAN PEJABAT
<b>2</b>	<b>DAFTAR MEL</b>	
2.1	Daftar mel tidak diselenggara dengan kemas kini dan lengkap.	11
<b>3</b>	<b>RESIT RASMI</b>	
3.1	Stok buku resit tidak disimpan di tempat yang selamat .	8
3.2	Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap penerimaan.	4
3.3	Resit Rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri.	4
3.4	Tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.	47
3.5	Baki stok hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar.	19
<b>4</b>	<b>DAFTAR BORANG HASIL</b>	
4.1	Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan dengan kemas kini bagi merekodkan stok resit, lesen dan borang akuan terima lain yang diterima atau dikeluarkan.	16
<b>5</b>	<b>NOTIS PEMBERITAHUAN ORANG AWAM</b>	
5.1	Notis Pemberitahuan Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.	18
<b>6</b>	<b>PANJAR WANG RUNCIT (PWR)</b>	
6.1	Baki fizikal wang PWR tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai PWR.	21
6.2	Surat kelulusan Panjar Wang Runcit tidak dikemukakan.	13
6.3	Baucar bayaran PWR tidak direkodkan dengan lengkap dalam Buku Tunai PWR.	16
6.4	Tiada pengesahan kelulusan bagi baucar bayaran PWR oleh Ketua Jabatan.	7
6.5	Terdapat tuntutan rekupmen yang masih tidak diterima.	19
<b>7</b>	<b>PERWAKILAN KUASA</b>	
7.1	Surat Penurunan Kuasa untuk pemungut hasil tidak disediakan dengan kemas kini.	19
<b>8</b>	<b>SETEM POS/MESIN FRANKING</b>	
8.1	Daftar Setem tidak diselenggarakan dan dikemas kini. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem.	25
8.2	Terdapat penerimaan dan pengeluaran setem tidak direkodkan. Baki setem didaftar tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.	38
<b>9</b>	<b>PETI BESI</b>	
9.1	Wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga tidak disimpan di tempat yang selamat (di luar peti besi).	8
9.2	Surat penurunan kuasa tidak diberikan kepada pegawai yang memegang anak kunci dan nombor kombinasi atau kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang pegawai yang sama.	48
9.3	Peti besi tidak dikehantaran pada rangka bina bangunan, jika bersesuaian.	32
<b>10</b>	<b>PEMERIKSAAN MENGEJUT</b>	
10.1	Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan.	78
10.2	Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.	54

BIL.	PENEMUAN AUDIT	BILANGAN PEJABAT
<b>11</b>	<b>KAWALAN PERBELANJAAN</b>	
11.1	Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.	8
11.2	Terdapat baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cop "TELAH BAYAR".	26
11.3	Terdapat bil yang diterima dibayar lewat melebihi tempoh 14 hari.	15
11.4	Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak dikemas kini.	6
11.5	Rekod/Laporan Perbelanjaan tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.	15

Sumber: Jabatan Audit Negara

8.4.3 Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Badan Berkanun Persekutuan yang berkenaan telah dimaklumkan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan sewajarnya seperti meningkatkan kawalan dalaman serta mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah berkenaan telah memaklumkan bahawa tindakan pembetulan telah diambil terhadap penemuan audit yang dibangkitkan.

## 8.5 SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, bagi mengelakkan penemuan Audit yang sama berulang, disyorkan supaya Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Badan Berkanun Persekutuan mengambil tindakan seperti berikut:

8.5.1 Memastikan perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan (*corrective*) dan pencegahan (*preventive*) dengan segera.

8.5.2 Mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan.

8.5.3 Memberikan latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan berkaitan.

8.5.4 Membuat pusingan kerja terutamanya di tempat kerja yang mempunyai risiko tinggi.

8.5.5 Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah perlu mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di Pusat Tanggungjawab yang lain untuk memastikan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

8.5.6 Mengenakan tindakan surc妖/tata tertib terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan.

## 9

# PENGURUSAN KEWANGAN DI PEJABAT PERWAKILAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI LUAR NEGARA

## 9.1 LATAR BELAKANG

Pejabat Perwakilan di luar negara telah ditubuhkan bertujuan untuk membantu dalam memelihara, mengukuh dan mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala dengan negara luar. Ia merangkumi pelbagai bidang politik dan keselamatan, perdagangan dan pelaburan, kebudayaan dan sosial, pelancongan, pendidikan serta sains dan teknologi. Selaras dengan itu, beberapa agensi Badan Berkanun Persekutuan (BBP) telah dibuka dan beroperasi di luar negara untuk mempertingkatkan atau mengukuhkan terutamanya aktiviti perdagangan dan pelaburan serta mempromosikan Malaysia kepada negara luar.

## 9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Pejabat Perwakilan BBP di luar negara mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

## 9.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

9.3.1 Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2014 di 14 Pejabat Perwakilan seperti berikut:

- a. 2 pejabat Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di Amerika Syarikat dan Australia.
- b. 7 pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) di Emiriah Arab Bersatu (UAE), Indonesia, Filipina, Rusia, Amerika Syarikat, Cambodia dan Singapura.
- c. 5 pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di UAE, Indonesia, Filipina, Rusia dan Amerika Syarikat.

9.3.2 Semakan yang dijalankan memberi tumpuan terhadap 6 elemen pengurusan kewangan iaitu kawalan pengurusan, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan pendahuluan diri/pelbagai dan deposit, pengurusan aset dan stor serta pengurusan panjar.

9.3.3 Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab telah dilakukan di Pejabat Perwakilan BBP yang dilawati pada tahun 2014. Selain itu, pemeriksaan fizikal juga dilakukan terhadap aset pejabat berkenaan.

## 9.4 PENEMUAN AUDIT

### 9.4.1 Kawalan Pengurusan

9.4.1.1 Pengauditan terhadap aspek kawalan pengurusan adalah untuk menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap aspek kawalan pengurusan antaranya penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK), Fail Meja (FM), fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA), penurunan kuasa, tindakan susulan hasil daripada teguran audit dan pemeriksaan mengejut. Secara keseluruhannya, pematuhan terhadap kawalan pengurusan bagi semua Pejabat Perwakilan BBP yang dilawati adalah baik. Bagaimanapun, terdapat ketidakpatuhan dalam penyediaan MPK dan FM serta pemeriksaan mengejut. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berkaitan kawalan pengurusan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.1 : KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN KAWALAN PENGURUSAN**

PEJABAT PERWAKILAN BBP	KAWALAN PENGURUSAN					
	a	b	c	d	e	f
<b>Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)</b>						
New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Sydney, Australia	✓	✓	X	✓	✓	✓
<b>Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)</b>						
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	X	X	✓	✓	✓	✓
Jakarta, Indonesia	X	X	✓	✓	X	✓
Manila, Filipina	✓	✓	X	✓	✓	✓
Moscow, Rusia	X	X	X	✓	✓	X
New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Phnom Penh, Cambodia	X	✓	X	✓	✓	X
Singapura	X	X	✓	✓	✓	✓
<b>Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)</b>						
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Manila, Filipina	✓	✓	X	✓	✓	✓
Moscow, Rusia	✓	✓	X	✓	✓	✓
New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓	✓
<b>PERATUS PEMATUHAN (%)</b>	<b>64.3</b>	<b>71.4</b>	<b>57.1</b>	<b>100</b>	<b>92.8</b>	<b>85.7</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

- a. MPK disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- b. FM disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- c. JPKA telah melaksanakan fungsi seperti yang ditetapkan
- d. Penurunan kuasa dibuat dengan teratur
- e. Teguran Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam dijawab serta tindakan susulan diambil
- f. Pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan mengikut ketetapan

9.4.1.2 Semakan Audit mendapati LPPM UAE, Indonesia, Rusia, Cambodia dan Singapura tidak menyediakan MPK dengan lengkap dan kemas kini seperti tidak mengemas kini carta organisasi dan Proses Kerja Aktiviti Utama. Semakan Audit juga mendapati LPPM UAE, Indonesia, Rusia dan Singapura tidak menyediakan Fail Meja yang lengkap dan kemas kini terutama berkaitan carta organisasi. Selain itu, LPPM Indonesia tidak menyediakan 7 daripada 14 elemen yang ditetapkan untuk penyediaan Fail Meja.

9.4.1.3 Semakan Audit mendapati semua Pejabat Perwakilan BBP tidak menubuhkan JPKA sendiri namun 8 Pejabat Perwakilan menyertai JPKA peringkat kedutaan. Semakan selanjutnya mendapati teguran Unit Audit Dalam tidak dijawab oleh LPPM Indonesia dan pemeriksaan mengejut tidak dilakukan mengikut ketetapan di LPPM Rusia dan Cambodia.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan yang baik mampu untuk memastikan pengurusan kewangan Pejabat Perwakilan BBP dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.**

***Berdasarkan maklum balas yang diterima, LPPM UAE, Indonesia, Rusia dan Singapura telah mengemas kini maklumat dalam MPK dan Fail Meja. Selain itu, LPPM Rusia telah mengemas kini Daftar Pemeriksaan Mengejut. Bagaimanapun, tiada maklum balas daripada LPPM Indonesia berkaitan isu teguran Audit Dalam. LPPM Cambodia juga masih belum memberi maklum balas terhadap pemerhatian Audit mengenai kawalan pengurusan yang dibangkitkan.***

#### **9.4.2 Kawalan Terimaan**

9.4.2.1 Pengauditan terhadap aspek kawalan terimaan adalah untuk menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan terimaan iaitu penyelenggaraan Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 67), Borang Hasil, Buku Tunai dan kemasukan pungutan ke bank. Semakan Audit mendapati MIDA Amerika Syarikat dan Australia; LPPM Indonesia, Amerika Syarikat dan Singapura; dan MATRADE Amerika Syarikat tidak mempunyai terimaan. Secara keseluruhannya, pematuhan terhadap kawalan terimaan adalah baik. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berkaitan kawalan terimaan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.2 : KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN KAWALAN TERIMAAN**

PEJABAT PERWAKILAN BBP	KAWALAN TERIMAAN			
	a	b	c	d
<b>Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)</b>				
New York, Amerika Syarikat	TB	TB	✓	TB
Sydney, Australia	TB	TB	✓	TB
<b>Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)</b>				
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	X	X	X	✓
Jakarta, Indonesia	TB	TB	✓	TB
Manila, Filipina	✓	✓	✓	✓
Moscow, Rusia	✓	✓	✓	✓
New York, Amerika Syarikat	TB	TB	✓	TB
Phnom Penh, Cambodia	✓	✓	✓	✓
Singapura	TB	TB	✓	TB
<b>Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)</b>				
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	✓	✓	X	✓
Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓	✓
Manila, Filipina	✓	✓	✓	✓
Moscow, Rusia	✓	✓	✓	✓
New York, Amerika Syarikat	TB	TB	✓	TB
<b>PERATUS PEMATUHAN (%)</b>	<b>87.5</b>	<b>87.5</b>	<b>85.7</b>	<b>100</b>

*Sumber: Jabatan Audit Negara*

*Nota: ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan kerana tiada terimaan*

- a. Daftar Borang Hasil Yang Dikawal (Kew. 67) diselenggarakan dengan teratur
- b. Borang hasil (resit/lesen/permit) yang dikeluarkan untuk diguna disimpan dengan selamat dan diselenggarakan dengan teratur
- c. Buku Tunai diselenggarakan dengan lengkap, disemak dan dikemukakan kepada ibu pejabat dalam tempoh ditetapkan
- d. Semua kutipan dibankkan dengan segera dan tepat

9.4.2.2 Semakan Audit di LPPM UAE mendapati baki stok borang hasil yang dicatatkan dalam Daftar Borang Hasil berbeza dengan stok sebenar dalam tangan. Selain itu, Buku Tunai tidak mempunyai bukti semakan oleh pegawai bertanggungjawab. MATRADE UAE pula lewat mengemukakan akaun tunai bulanan kepada Ibu Pejabat mengikut tempoh yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kawalan terimaan yang baik dapat memastikan pungutan/hasil Pejabat Perwakilan BBP telah diurus dan diakaunkan dengan sempurna.

**Berdasarkan maklum balas yang diterima, LPPM UAE telah mengemas kini Daftar Borang Hasil dan mengambil maklum berkenaan teguran Audit berkaitan Buku Tunai dan Slip Bank. MATRADE UAE pula akan memastikan tiada kelewatan mengemukakan akaun tunai bulanan.**

### 9.4.3 Kawalan Perbelanjaan

9.4.3.1 Secara umumnya, prestasi kawalan perbelanjaan bagi 14 Pejabat Perwakilan yang dilawati adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat pejabat yang tidak mematuhi sepenuhnya peraturan berkaitan dengan penyelenggaraan Buku Vot, Daftar Bil, prosedur pembayaran dan penyediaan Laporan Perbelanjaan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berkaitan kawalan perbelanjaan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.3 : KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN KAWALAN PERBELANJAAN**

PEJABAT PERWAKILAN BBP	KAWALAN PERBELANJAAN			
	a	b	c	d
<b>Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)</b>				
New York, Amerika Syarikat	√	√	√	√
Sydney, Australia	√	√	√	√
<b>Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)</b>				
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	X	√	√	√
Jakarta, Indonesia	X	X	√	√
Manila, Filipina	√	√	√	√
Moscow, Rusia	X	X	X	√
New York, Amerika Syarikat	√	√	X	√
Phnom Penh, Cambodia	X	√	√	√
Singapura	X	√	√	√
<b>Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)</b>				
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	√	√	√	X
Jakarta, Indonesia	√	X	√	√
Manila, Filipina	√	√	√	√
Moscow, Rusia	√	√	√	√
New York, Amerika Syarikat	√	√	√	√
<b>PERATUS PEMATUHAN (%)</b>	<b>64.3</b>	<b>78.6</b>	<b>85.7</b>	<b>92.9</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: √ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi

- a. Buku Vot diselenggarakan dengan lengkap, teratur dan kemas kini
- b. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan disemak sewajarnya
- c. Bayaran dibuat dengan betul dan tepat selaras dengan undang-undang dan peraturan serta direkodkan dengan sempurna
- d. Laporan Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat dalam tempoh ditetapkan.

9.4.3.2 Semakan Audit mendapati LPPM UAE, Indonesia, Rusia, Cambodia dan Singapura tidak mempunyai bukti semakan ke atas Buku Vot. Selain itu, Daftar Bil di LPPM dan MATRADE Indonesia tidak mempunyai tarikh semakan manakala LPPM Rusia tidak menyelenggarakan Daftar Bil mengikut format yang ditetapkan. LPPM Rusia juga telah membuat pembayaran tanpa dokumen sokongan dan pembayaran terhadap invois yang tidak diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. LPPM Amerika Syarikat pula telah membuat bayaran tuntutan perjalanan

bulanan kepada seorang pegawai melalui beberapa baucar yang berlainan dalam bulan yang sama manakala Laporan Perbelanjaan lewat dikemukakan ke Ibu Pejabat oleh MATRADE UAE.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil yang lengkap, teratur, kemas kini dan disediakan mengikut format yang ditetapkan serta penyediaan Laporan Perbelanjaan dalam tempoh yang ditetapkan dapat memastikan pemantauan pembayaran dan perbelanjaan diurus dengan berkesan.

*Berdasarkan maklum balas yang diterima, LPPM UAE telah mengambil maklum dan akan memantau penyelenggaraan Buku Vot manakala Pejabat LPPM Indonesia, Rusia dan Singapura telah mengemas kini dan menyemak Buku Vot. Selain itu, LPPM Indonesia dan Rusia serta MATRADE Indonesia telah mengambil tindakan mengemas kini dan menyemak Daftar Bil dengan sewajarnya. MATRADE UAE mengambil maklum dan membuat pemantauan terhadap teguran Audit berkenaan penyediaan dan mengemukakan Laporan Perbelanjaan kepada Ibu Pejabat. Didapati LPPM Cambodia masih belum memberi maklum balas terhadap pemerhatian Audit mengenai pengurusan perbelanjaan yang dibangkitkan.*

#### 9.4.4 Pengurusan Pendahuluan Diri/Pelbagai Dan Deposit

9.4.4.1 Pengurusan pendahuluan diri/pelbagai adalah untuk memastikan pendahuluan diberi mengikut had yang dibenarkan dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Pengurusan deposit bertujuan untuk memastikan wang deposit yang diterima oleh Kerajaan atau wang deposit dipegang oleh pihak ketiga untuk sesuatu tujuan diakaunkan dengan teratur. Wang ini akan dikembalikan apabila ia tidak lagi diperlukan. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan pendahuluan diri/pelbagai dan deposit adalah baik dan didapati LPPM Cambodia tidak mengamalkan pengambilan pendahuluan diri/pelbagai. Kedudukan pematuhan peraturan kewangan berkaitan pengurusan pendahuluan diri/pelbagai dan deposit adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.4 : KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN BERKENAAN PENGURUSAN PENDAHULUAN DIRI/PELBAGAI DAN DEPOSIT**

PEJABAT PERWAKILAN BBP	PENGURUSAN PENDAHULUAN DIRI/PELBAGAI DAN DEPOSIT		
	a	b	c
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)			
New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓
Sydney, Australia	✓	✓	✓
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)			
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	✓	✓	✓
Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓

PEJABAT PERWAKILAN BBP	PENGURUSAN PENDAHULUAN DIRI/PELBAGAI DAN DEPOSIT		
	a	b	c
Manila, Filipina	✓	✓	✓
Moscow, Rusia	✓	✓	✓
New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓
Phnom Penh, Cambodia	TB	TB	TB
Singapura	✓	✓	✓
<b>Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)</b>			
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	✓	✓	✓
Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓
Manila, Filipina	✓	✓	✓
Moscow, Rusia	✓	✓	✓
New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓
<b>PERATUSAN PEMATUHAN (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

*Sumber: Jabatan Audit Negara*

*Nota: ✓ - Mematuhi TB- Tidak Berkenaan*

- a. Rekod subsidiari diselenggarakan bagi pendahuluan diri/pelbagai/deposit
- b. Rekod subsidiari pendahuluan diri/pelbagai/deposit diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- c. Bayaran balik pendahuluan diri/pelbagai/deposit dibuat sewajarnya

**Pada pendapat Audit, pengurusan pendahuluan diri/pelbagai dan deposit di Pejabat Perwakilan BBP adalah baik.**

#### 9.4.5 Pengurusan Aset dan Stor

9.4.5.1 Pengauditan ini dijalankan bertujuan untuk memastikan aset yang diperoleh untuk kegunaan pejabat direkodkan, disimpan dan dikawal dengan sempurna. Secara keseluruhan, pematuhan terhadap pengurusan aset dan stor oleh Pejabat Perwakilan adalah kurang memuaskan. Antara ketidakpatuhan adalah pelantikan Pegawai Aset dan Penerima Aset, pendaftaran, pelabelan, serta pemeriksaan aset dan verifikasi stok. Kedudukan pematuhan peraturan kewangan berkaitan pengurusan aset dan stor adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.5 : KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN PENGURUSAN ASET DAN STOR**

PEJABAT PERWAKILAN BBP	PENGURUSAN ASET DAN STOR								
	a	b	c	d	e	F	g	h	i
<b>Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)</b>									
New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Sydney, Australia	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
<b>Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)</b>									
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	X	X	X	X	✓	X	X	✓	TB
Jakarta, Indonesia	X	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	TB
Manila, Filipina	X	X	X	X	✓	X	X	TB	TB

PEJABAT PERWAKILAN BBP	PENGURUSAN ASET DAN STOR								
	a	b	c	d	e	F	g	h	i
Moscow , Rusia	X	X	X	X	✓	X	X	TB	TB
New York, Amerika Syarikat	X	X	X	✓	X	X	✓	✓	TB
Phnom Penh, Cambodia	X	X	X	X	✓	X	*	TB	TB
Singapura	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	TB
<b>Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)</b>									
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB
Manila, Filipina	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Moscow , Rusia	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	TB
New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
<b>PERATUS PEMATUHAN (%)</b>	<b>57.1</b>	<b>50</b>	<b>50</b>	<b>64.3</b>	<b>92.8</b>	<b>57.1</b>	<b>76.9</b>	<b>100</b>	<b>TB</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: ✓ - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan kerana tidak ada kes dilaporkan \* - Tiada Kenderaan

- a. Pegawai Aset dilantik dengan menentukan tugas dan tanggungjawab sewajarnya
- b. Pegawai Penerima Aset dilantik dengan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan
- c. Aset didaftarkan sewajarnya dalam format yang betul
- d. Aset dilabel sewajarnya
- e. Aset disimpan dan diguna dengan teratur
- f. Aset diperiksa dan stok diverifikasi mengikut kekerapan yang ditetapkan
- g. Buku Log Kenderaan diselenggarakan dengan teratur
- h. Pelupusan aset dilaksanakan dengan sempurna
- i. Kehilangan aset diambil tindakan sewajarnya

9.4.5.2 LPPM UAE, Indonesia, Filipina, Rusia, Amerika Syarikat dan Cambodia tidak melantik pegawai aset dan pegawai penerima aset secara bertulis dan tidak menyatakan tugas dan tanggungjawab dengan jelas. LPPM Singapura tidak melantik pegawai penerima aset. Selain itu, LPPM UAE, Filipina, Rusia, Amerika Syarikat, Cambodia dan Singapura serta MATRADE Rusia tidak menyelenggarakan daftar inventori dan daftar pergerakan harta modal dengan lengkap dan kemas kini.

9.4.5.3 Semakan Audit mendapati aset yang didaftarkan tidak dilabel dengan nombor siri pendaftaran di LPPM UAE, Filipina, Rusia, Cambodia dan Singapura serta aset tidak disimpan dengan teratur di LPPM Amerika Syarikat. Selain itu, tiada bukti pemeriksaan aset dan verifikasi stok dijalankan di LPPM UAE, Indonesia, Filipina, Rusia, Amerika Syarikat dan Cambodia. Semakan Audit juga mendapati Buku Log Kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab di LPPM UAE, Filipina dan Rusia.

9.4.5.4 Semakan Audit mendapati pelupusan aset di 10 Pejabat Perwakilan adalah baik dan 4 Pejabat Perwakilan tidak melaksanakan pelupusan aset pada tahun semasa. Selain itu, tiada kehilangan aset dilaporkan pada tahun semasa bagi 14 Pejabat Perwakilan yang diaudit.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset di Pejabat Perwakilan BBP terutamanya di LPPM adalah kurang memuaskan. Pengurusan aset yang dilaksanakan dengan teratur dan kemas kini dapat mengelakkan daripada berlakunya salah guna, pembaziran, penyelewengan dan pemborosan.

*Berdasarkan maklum balas yang diterima, LPPM Indonesia, Filipina, Rusia dan Singapura telah melantik Pegawai Aset dan Pegawai Penerima Aset manakala LPPM UAE dan Amerika Syarikat telah memohon pelantikan Pegawai Aset dan Pegawai Penerima Aset ke Ibu Pejabat LPPM. Selain itu, LPPM UAE, Filipina, Rusia, Amerika Syarikat, Singapura dan MATRADE Rusia telah mengemaskini dan menyediakan format Daftar Harta Modal dan Inventori yang betul. LPPM UAE, Filipina, Rusia, dan Singapura juga telah melabelkan aset dengan nombor siri pendaftaran. LPPM Amerika Syarikat akan mengambil tindakan terhadap penyimpanan aset berkaitan kekangan ruang penyimpanan. LPPM Filipina dan Rusia telah menjalankan pemeriksaan aset dan verifikasi stok manakala LPPM UAE dan Amerika Syarikat akan membuat pemeriksaan aset dan verifikasi stok setelah Pegawai Aset dilantik oleh Ibu Pejabat. LPPM Indonesia akan mengambil tindakan untuk membuat pemeriksaan dan pelupusan aset. Selain itu, LPPM UAE, Filipina dan Rusia telah mengemaskini Buku Log Kenderaan. Didapati LPPM Cambodia masih belum memberi maklum balas terhadap perhatian Audit mengenai pengurusan aset dan stor.*

#### 9.4.6 Pengurusan Panjar

9.4.6.1 Pejabat Perwakilan BBP di luar negara perlu menyelenggara panjar untuk merekodkan semua urus niaga terimaan dan bayaran. Semakan Audit mendapati Pejabat Perwakilan telah menggunakan pakai sistem perakaunan sendiri iaitu sistem SAGA versi 8.0 di MIDA, Imprest di LPPM dan REACT di MATRADE. Semakan Audit yang dijalankan terhadap pengurusan panjar meliputi perakaunan ke dalam Buku Tunai Akaun Panjar, penyediaan Penyata Perbelanjaan Panjar Bulanan, penyediaan Penyata Penyesuaian Bank/Panjar dan kawalan terhadap buku cek mendapati semua Pejabat Perwakilan yang dilawati telah menguruskan panjar mengikut peraturan yang telah ditetapkan kecuali ketidakpatuhan pada kawalan pengeluaran cek. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.6 : KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN PENGURUSAN PANJAR**

PEJABAT PERWAKILAN BBP	PENGURUSAN PANJAR			
	a	b	c	d
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)				
New York, Amerika Syarikat	√	√	√	√
Sydney, Australia	√	√	√	√

PEJABAT PERWAKILAN BBP	PENGURUSAN PANJAR			
	a	b	c	d
<b>Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)</b>				
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	√	√	√	X
Jakarta, Indonesia	√	√	√	X
Manila, Filipina	√	√	√	X
Moscow , Rusia	TB	TB	TB	TB
New York, Amerika Syarikat	√	√	√	√
Phnom Penh, Cambodia	√	√	√	√
Singapura	√	√	√	X
<b>Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)</b>				
Dubai, Emiriah Arab Bersatu	√	√	√	√
Jakarta, Indonesia	√	√	√	√
Manila, Filipina	√	√	√	√
Moscow , Rusia	TB	TB	TB	TB
New York, Amerika Syarikat	√	√	√	√
<b>PERATUS PEMATUHAN (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>66.6</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: √ - Mematuhi      X - Tidak Mematuhi      TB - Tidak Berkenaan kerana tiada panjar diselenggarakan

- a. Pembayaran dan terimaan melalui Buku Tunai Akaun Panjar direkodkan dengan tepat dan dikemas kini dalam Buku Tunai Akaun Panjar
- b. Penyata Penyesuaian Panjar disediakan dengan tepat serta pada tempoh yang ditetapkan
- c. Penyata Penyesuaian Bank disediakan sewajarnya
- d. Pengeluaran cek dikawal sewajarnya

9.4.6.2 Semakan Audit di LPPM UAE mendapati baki stok buku cek yang dicatatkan dalam daftar berbeza dengan stok buku cek sebenar dalam tangan manakala di LPPM Indonesia dan Singapura tiada bukti buku cek diperiksa semasa penerimaan buku cek. Selain itu, didapati ruangan keterangan cek bersama bakinya tidak direkod di beberapa helaian pertama di dalam setiap buku cek sejurus cek digunakan di LPPM Filipina.

Pada pendapat Audit, Pejabat Perwakilan BBP perlu mengemaskini dan memeriksa buku daftar cek untuk memastikan pengeluaran cek dikawal sewajarnya.

**Berdasarkan maklum balas, LPPM UAE telah mengambil tindakan dan mengemas kini daftar stok buku cek. LPPM Filipina telah merekodkan keterangan cek bersama baki. LPPM Indonesia dan Singapura telah membuat semakan dan pengesahan ke atas Buku Cek.**

## 9.5 SYOR AUDIT

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai penemuan Audit terhadap Pejabat Perwakilan BBP di luar negara supaya tindakan pemantauan diambil terhadap kelemahan dibangkitkan. Selain itu, bagi meningkatkan tahap pengurusan kewangan di Pejabat Perwakilan tersebut adalah disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 9.5.1 Menjalankan penyeliaan yang lebih kerap dan rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai di bawah seliaan yang terlibat dalam urusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.
- 9.5.2 Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dengan memberi latihan yang sewajarnya serta mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai dalam menjalankan urusan kewangan.
- 9.5.3 Menggalakkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan.



# 2014

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



## PENUTUP

---



## PENUTUP

1. Pada keseluruhannya, sebanyak 134 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain bagi tahun 2014 telah dikemukakan untuk diaudit tidak lewat dari 30 Jun 2015 seperti yang ditetapkan dalam Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Bagaimanapun, 3 Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April 2015 tetapi sebelum 30 Jun 2015 dan 2 penyata kewangan diterima pada 10 dan 15 Julai 2015. Kesemua Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi 1Pekeliling Perbendaharaan PA3.1/2013 yang memerlukan penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan *Financial Reporting Standards, Malaysian Financial Reporting Standards* dan *Private Entity Reporting Standards* berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam pekeliling berkenaan.
2. Prestasi penyediaan penyata kewangan tahun 2014 oleh Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan agensi lain adalah baik. Sebanyak 125 daripada 139 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2014 yang diaudit telah diberi pendapat Tanpa Teguran, 7 diberi pendapat berdasarkan *Emphasis of Matter*, 5 diberi pendapat Berteguran dan satu diberi pendapat Penafian dan satu penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan telah diaudit tetapi tidak dapat disahkan kerana penyata kewangan masih belum diluluskan oleh ahli Majlis.
3. Badan Berkanun Persekutuan yang diberi pendapat berdasarkan *Emphasis of Matter* tanpa menjelaskan pendapat juruaudit antaranya disebabkan pelaburan unit amanah yang dibuat tanpa kelulusan sewajarnya dan Badan Berkanun Persekutuan mempunyai liabiliti jangka panjang yang tinggi berbanding aset di mana keupayaan menjelaskan liabiliti tersebut adalah bergantung kepada sokongan kewangan daripada Kerajaan. Pendapat Berteguran dikeluarkan antaranya disebabkan kerja dalam kemajuan tidak dipermodalkan, jumlah pelunasan geran telah terkurang catat dan baki belanja terakru tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan.
4. Sehubungan itu, semua Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Badan Berkanun Persekutuan perlu mengambil tindakan dan memastikan penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan yang ditetapkan bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Badan Berkanun Persekutuan.
5. Pengauditan mengejut yang dilakukan di 172 pejabat Badan Berkanun Persekutuan di negeri dan daerah menunjukkan pematuhan kewangan yang kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan dalam mematuhi tatacara kewangan. Badan Berkanun Persekutuan

berkenaan perlu mengambil tindakan sewajarnya seperti meningkatkan kawalan dalaman serta mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

6. Selain itu, pengurusan kewangan di 14 Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negara adalah pada tahap baik kecuali kelemahan dalam kawalan pengurusan aset dan stor serta perbelanjaan. Pejabat Perwakilan Badan Berkanun Persekutuan di luar negara ini telah pun mengambil tindakan pembetulan terhadap teguran Audit kecuali satu Pejabat Perwakilan yang masih belum memberi maklum balas terhadap pemerhatian audit.

7. Secara keseluruhannya, tahap prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2014 berbanding tahun 2011 bagi agensi yang sama menunjukkan peratusan markah bagi 17 Badan Berkanun Persekutuan telah meningkat manakala 16 Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan penurunan pada tahun 2014 berbanding tahun 2011. Prestasi pengurusan kewangan masih boleh dipertingkatkan sekiranya Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah bukan sahaja mengambil tindakan *corrective* untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat dibetulkan bahkan mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah sekali dalam tempoh pusingan 3 tahun. Sehubungan itu, Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah hendaklah memastikan naziran dalaman berkala dijalankan untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan. Penglibatan secara *hands-on* dan penyeliaan rapi di peringkat Pegawai Penyelia hingga ke peringkat Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah perlu dipertingkatkan.

2014

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



# **LAMPIRAN A**

## **SENARAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AGENSI LAIN**

---



## SENARAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AGENSI LAIN

### BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

#### A JABATAN PERDANA MENTERI

1. AGENSI INOVASI MALAYSIA (AIM)
2. KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA  
DAN YANG DIPERTUA-YANG DIPERTUA NEGERI (BIASISWA RAJA-RAJA)
3. LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)
4. LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
5. LEMBAGA TABUNG HAJI (LTH)
6. MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)
7. MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECER)
8. PERBADANAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA (PRIMA)
9. PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)
10. PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (IRDA)
11. SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (SUHAKAM)
12. SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (SIAP)
13. SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (SPAD)
14. LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG (WAKAF HINDU)
15. BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)

#### B KEMENTERIAN KEWANGAN

16. BANK SIMPANAN NASIONAL (**BSN**)
17. INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA (**MIA**)
18. KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) (**KWAP**)
19. KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (**KWSP**)
20. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (**LHDNM**)
21. LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (**LADA**)
22. LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (**LABUAN FSA**)
23. LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA (**LTM**)
24. PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (**PIDM**)
25. YAYASAN TUN RAZAK (**YTR**)

**C KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

26. LEMBAGA GETAH MALAYSIA (**LGM**)
27. LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA (**LKTN**)
28. LEMBAGA KOKO MALAYSIA (**KOKO**)
29. LEMBAGA LADA MALAYSIA (**MPB**)
30. LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (**MPOB**)
31. LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (**MTIB**)
32. LGM PROPERTIES CORPORATION (**LGMPC**)
33. RRIM CONSULT CORPORATION (**RRIM CORP**)

**D KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

34. INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (**MARDI**)

35. LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (**LKIM**)
36. LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (**KADA**)
37. LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (**MADA**)
38. LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (**FAMA**)
39. LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (**LPNM**)
40. LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (**LPP**)
41. YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN  
PERTUBUHAN PELADANG MADA (**YP MADA**)

**E KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

42. LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (**KEJORA**)
43. LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (**KESEDAR**)
44. LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (**KETENGAH**)
45. LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (**KEDA**)
46. MAJLIS AMANAH RAKYAT (**MARA**)
47. PIHK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (**RISDA**)
48. YAYASAN PELAJARAN MARA (**YPM**)

**F KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

49. LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (**JURUKUR**)
50. LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERUSAHAAN TIMAH (**LEMBAGA TIMAH**)
51. LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA (**MFRDB**)

**G KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

52. LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (**MIDA**)
53. PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (**MATRADE**)
54. PERBADANAN PERUSAHAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (**SME CORPORATION**)
55. PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (**MPC**)

**H KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN**

56. MAKTAB KOPERASI MALAYSIA (**MKM**)
57. PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (**PHIM**)
58. SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (**SKM**)
59. SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (**MyCC**)
60. SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (**SSM**)

**I KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

61. LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (**LLM**)
62. LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (**CIDB**)

**J KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

63. INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (**MIROS**)
64. LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (**LP BINTULU**)
65. LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (**LP JOHOR**)
66. LEMBAGA PELABUHAN KELANG (**LPK**)
67. LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN (**LP KEMAMAN**)

- |     |  |
|-----|--|
| 68. | LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN ( <b>LP KUANTAN</b> )                          |
| 69. | LEMBAGA PELABUHAN MELAKA ( <b>LPM</b> )                                  |
| 70. | LEMBAGA PELABUHAN TANJUNG PELEPAS ( <b>LP TANJUNG PELEPAS</b> )          |
| 71. | PERBADANAN ASET KERETAPI ( <b>PAK</b> )                                  |
| 72. | SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG ( <b>SPPP</b> )                       |
| 73. | SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG - TELUK EWA ( <b>SPPP-TELUK EWA</b> ) |

**K KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

- |     |   |
|-----|---|
| 74. | PIHKAK BERKUASA PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI MALAYSIA ( <b>SEDA</b> ) |
| 75. | SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA ( <b>SPAN</b> )                 |
| 76. | SURUHANJAYA TENAGA ( <b>ST</b> )                                    |

**L KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

- |     |                                       |
|-----|---------------------------------------|
| 77. | AKADEMI SAINS MALAYSIA ( <b>ASM</b> ) |
|-----|---------------------------------------|

**M KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA**

- |     |   |
|-----|---|
| 78. | AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN ( <b>ASWARA</b> )  |
| 79. | LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA ( <b>LPSVN</b> )       |
| 80. | LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA ( <b>LPPM</b> )      |
| 81. | PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA ( <b>KRAFTANGAN</b> ) |

**N KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

- |     |   |
|-----|---|
| 82. | PERBADANAN LABUAN ( <b>PL</b> )                     |
| 83. | PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU ( <b>PKB</b> ) |
| 84. | PERBADANAN PUTRAJAYA ( <b>PPj</b> )                 |

O KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

85. AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (**MQA**)
86. DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (**DBP**)
87. KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU (**KWSG**)
88. MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (**MPM**)
89. PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (**PTPTN**)
90. PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (**PPUM**)
91. UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (**UKM**)
92. UNIVERSITI MALAYA (**UM**)
93. UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (**UMK**)
94. UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (**UMP**)
95. UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (**UniMAP**)
96. UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (**UMS**)
97. UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (**UNIMAS**)
98. UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (**UMT**)
99. UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (**UPSI**)
100. UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (**UPNM**)
101. UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (**UPM**)
102. UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (**USIM**)
103. UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (**USM**)
104. UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (**UNiSZA**)

- |      |   |
|------|---|
| 105. | UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA ( <b>UTeM</b> ) |
| 106. | UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA ( <b>UTM</b> )        |
| 107. | UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ( <b>UiTM</b> )           |
| 108. | UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA ( <b>UTHM</b> ) |
| 109. | UNIVERSITI UTARA MALAYSIA ( <b>UUM</b> )            |
| 110. | YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN ( <b>YTAR</b> )          |

**P KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

- |      |   |
|------|---|
| 111. | LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA ( <b>MySIHAT</b> ) |
| 112. | PIHK BERKUASA PERANTI PERUBATAN ( <b>PBPP</b> )       |

**Q KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

- |      |   |
|------|---|
| 113. | PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM ( <b>PPSPPA</b> ) |
|------|---|

**R KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

- |      |   |
|------|---|
| 114. | INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA ( <b>IPPBM</b> ) |
| 115. | INSTITUT SUKAN NEGARA ( <b>ISN</b> )                              |
| 116. | MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA ( <b>MSN</b> )                       |
| 117. | PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG ( <b>PPGS</b> )                     |
| 118. | PERBADANAN STADIUM MALAYSIA ( <b>PSM</b> )                        |

**S KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

- |      |   |
|------|---|
| 119. | PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN ( <b>PTPK</b> ) |
| 120. | PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL ( <b>PERKESO</b> )        |

T KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

121. PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (**FINAS**)
122. PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (**BERNAMA**)

U KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

123. LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (**LPPKN**)

V KEMENTERIAN PERTAHANAN

124. LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (**LTAT**)
125. PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (**PERHEBAT**)
126. PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA (**PPHM**)
127. PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (**PERNAMA**)

KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN

1. AKAUN DEPOSIT INSURANS (**ADI**)
2. AKAUN KEBAJIKAN KAKITANGAN BANK NEGARA MALAYSIA (**SWA**)
3. KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (**KWAN**)
4. KUMPULAN WANG JUBLI PERAK PULAU PINANG DAN SEBERANG PRAI (**JUBLI PERAK**)
5. KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SABAH (**BALU SABAH**)
6. KUMPULAN WANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SARAWAK (**BALU SARAWAK**)
7. KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN (**KWSMP**)
8. MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (**MSWP**)  
- DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA MAJLIS SUKAN NEGARA 1971
9. TABUNG PENCEN LEMBAGA PESURUHJAYA MATAWANG MALAYA DAN BRITISH  
BORNEO (**TPLM**)

10. YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (**YPEIM**)  
- DITUBUHKAN MELALUI SURAT IKATAN AMANAH YPEIM 20 JULAI 1984
11. KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (**KWPDP**)

**AGENSI LAIN**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN**

1. BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (**BANK RAKYAT**)  
- DIDAFTARKAN DI BAWAH AKTA KOPERASI 1993



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2015  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



## **JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

**No. 15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62518 Putrajaya**

**[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)**